



MAJALAH

e-ADICITA

UITM CAWANGAN JOHOR

EDISI 3/2023

SOROTAN MENARIK



Hari Bertermu Pelanggan
UiTM Cawangan Johor **(34)**



Kunjungan Hormat
UiTMCJ ke Pejabat
YAB Menteri Besar Johor **(4)**



Program Flagship Hub
Kluster Bernilai Tinggi
di Daerah Segamat **(5-6)**



Terbitan Edisi 3, 2023
©Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Hakcipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam bentuk apa sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Majalah e-ADICITA

e-ISNN: 2976-2839

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor,
Jalan Universiti Off KM 12 Jalan Muar,
85000 Segamat,
Johor.
Tel: 07-9352000
Fax: 07-9352716

<https://johor.uitm.edu.my>

Majalah ini diterbitkan secara berkala setiap 4 bulan.
Dicetak di Malaysia.

SIDANG REDAKSI



Penaung:
Prof Madya Dr Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor



Penasihat:
Dr. Faridah Najuna Misman,
Timbalan Rektor (PJJ)



Ketua Editor:
Siti Nordiyana Isahak



Editor Utama:
Datuk Aryani Abdullah

Editor Bahagian/Unit



Bahagian HEP:
Hussin Ab Mutalib



Bahagian Pj&A:
Norshahnaz
Mohamed Ghudam



Bahagian Pentadbiran:
Nurulintan Shyazwaney
Razali



Bahagian Pengurusan Fasiliti:
Maznah Salamin



Bahagian Infrastruktur:
Mimi Hasliah Mohd Shahari



Pejabat Bendahari:
Mohd Fairol Ismailil



Pejabat Polis Barbaari:
Mohd Faiezal Bharum



Unit HEI:
Ustaz Rafiuddin
Mohd Yusof



Unit Koperasi:
Iqlil Dhania Mohamad



Unit Kualiti:
Siti Rahaya Sarman



PTDI:
Mohd Azmi Samsuri



Bahagian HEA:
Siti Fatimah Mohd Noh



Rekabentuk Kulit/dalamian:
Syamsul Firdaus Sardi



Sekretariat:
Nur Atiqah Abd Hamid

ISI KANDUNGAN

Sidang Redaksi

Dari Meja Rektor	i
Kata Aluan Timbalan Rektor BPJIA	ii
Nota Editor	iii
Sorotan Aktiviti Rektor	1 - 8
Bahagian HEA	9 - 10
Bahagian HEP	11 - 26
Bahagian BPJIA	27 - 33
Bahagian Pentadbiran	34 - 36
Bahagian Pengurusan Fasiliti	37 - 41
Bahagian Infostruktur	42
Pejabat Bendahari	43 - 44
Unit UHEI	45 - 47
Unit Komunikasi Koporat	48
Polis Bantuan	49 - 52
Unit Pengurusan Kualiti	53 - 57
PTDI	58 - 60
Klik - Klik UiTMCJ	61 - 64

DARI MEJA REKTOR



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Yang Maha Esa, Tuhan Semesta Alam. Saya bersyukur kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya diberikan sedikit ruang untuk menitipkan sepatih dua kata dalam keluaran ketiga Majalah e-ADICITA. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA di bawah penyelarasan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor kerana telah bekerja keras melaksanakan tanggungjawab dalam penerbitan majalah ini. Sedar tidak sedar, sudah tiga edisi majalah ini diterbitkan. Saya percaya setiap usaha yang dicurahkan wajar mendapat puji kerana liputan majalah melibatkan aktiviti kedua-dua kampus UiTM Cawangan Johor iaitu Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang.

Penerbitan Majalah e-ADICITA merupakan salah satu daripada Rector's Special Project (RSP). Penerbitan majalah ini sangat penting sebagai kayu pengukur dan menjadi satu indikator semak dan imbang dalam pentadbiran saya. Selain untuk tujuan kewujudan (visibility) kampus, pelaporan sebegini membantu dalam penyediaan Laporan AKNC, MyRA dan sebagainya. Dalam usaha membina imej UiTM Cawangan Johor sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang proaktif dan sentiasa dekat dengan masyarakat, saya percaya peningkatan kepada produktiviti dan daya saing yang sihat perlu seiring dengan proses pembinaan sikap dan karakter dalam mencintai ilmu. Mendepani medan persaingan global dan ledakan perubahan teknologi yang pantas, setiap warga UiTM Cawangan Johor perlu bersedia untuk mengadaptasi kesemua perubahan ini dan memastikan setiap indikator pembangunan menjadi lebih terancang, bersifat inklusif dan berpaksikan inovasi. Justeru transformasi penyampaian perkhidmatan perlu diperhalusi dengan baik supaya setiap pemegang taruh berpuas hati terhadap mutu perkhidmatan yang ditawarkan.

Dalam merangka dan menerbitkan majalah ini, ramai pihak yang telah memberi sumbangan, masa, tenaga dan ilmu. Dedikasi dan sumbangan yang dizahirkan ini adalah berteraskan matlamat yang sama iaitu memastikan penyampaian ilmu sampai kepada segenap peringkat usia. Semangat yang ditunjukkan ini, sekaligus mampu membuktikan kewujudan UiTM Cawangan Johor dalam menyumbang impak yang positif kepada masyarakat setempat di samping mendapat keyakinan dari pihak industri dan kepercayaan rakan strategik UiTM Cawangan Johor serta sistem UiTM keseluruhannya.

Dengan tulus ikhlas, saya mendoakan agar usaha ini diberkati Allah SWT. Semoga sumbangan ini dapat melahirkan lebih ramai warga UiTM Cawangan Johor yang bukan sahaja berketerampilan dari sudut ilmunya, tetapi mempunyai nilai tambah yang sentiasa bersedia dengan arus perubahan semasa.

Sekian, wassalam

PROF MADYA DR SAUNAH ZAINON

Rektor
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

KATA ALUAN TIMBALAN REKTOR BPJIA



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA kerana memberi ruang dan peluang untuk saya mencoretkan sepatuh dua kata dalam majalah ini. Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah berjaya menerbitkan Edisi Ketiga Majalah e-ADICITA dan terakhir bagi tahun 2023. Syabas dan tahniah juga saya rakamkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA dan semua pihak yang menunjukkan komitmen yang jitu dalam menjayakan penerbitan majalah ini.

Majalah e-ADICITA merupakan salah satu inisiatif di bawah Rector's Special Project (RSP) Yang Berbahagia Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon bagi mendokumentasikan kesemua program-program yang berimpak di UiTMCJ. Pengumpulan bahan secara konsisten ini akan melestarikan sistem pelaporan yang lebih cemerlang serta efektif bagi membantu dalam penyediaan laporan utama universiti seperti Laporan AKNC, MyRA dan sebagainya. Malahan mutu perkhidmatan warga UiTMCJ juga dapat dipertingkatkan, di mana kewujudan majalah ini akan menjadi salah satu indikator semak dan imbang dalam pentadbiran Yang Berbahagia Rektor.

Sistem pengurusan rekod yang baik, lengkap, sahih, mudah capai serta boleh digunakan akan memastikan integriti dan akauntabiliti penyampaian maklumat menjadi lebih efektif. Pelaporan setiap bahagian/unit yang telah disediakan dalam majalah ini akan menjadi salah satu sumber tambahan kepada pengurusan rekod yang lebih cekap di UiTMCJ. Setiap pelaporan aktiviti akan lengkap dengan gambar-gambar dan perakuan penulisan yang menunjukkan kakitangan bukan akademik juga mampu menyumbang kepada penambahan bilangan penerbitan universiti.

Saya melihat tanggungjawab menyediakan modal insan yang baik bukan semata-mata diletakkan di bahu kakitangan akademik. Saya percaya melalui bentuk penulisan sebegini, walaupun ringkas ia secara tidak langsung membuktikan semua warga UiTMCJ bersedia membantu universiti mengarapkan segala maklumat menjadi satu susunan ilmu yang baik. Tahniah diucapkan buat semua penulis. Penerbitan ini bukan sahaja membuktikan kewujudan (*visibility*) kampus, tetapi setiap karya penulisan dan aktiviti bergambar yang dimuatkan akan menjadi kenangan indah di samping peningkatan kepada bilangan penulisan karya dan penerbitan di UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ).

Sekali lagi, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa serta sidang redaksi majalah. Semoga usaha menerbitkan Majalah e-ADICITA diteruskan pada masa mendatang. Kepada pembaca majalah ini, semoga ia memberi manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

DR FARIDAH NAJUNA MISMAN

Timbalan Rektor
Bahagian Penyelidikan dan
Jaringan Industri
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

NOTA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bismillahirrahmanirrahim. Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Majalah e-ADICITA telah berjaya diterbitkan. Selawat dan salam juga buat junjungan kita Nabi Muhammad SAW, utusan rahmat sekalian alam. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi atas usaha gigih dan khidmat yang tidak mengenal erti jemu bagi menyiapkan sekaligus merealisasikan penerbitan ketiga Majalah e-ADICITA. Majalah ini telah diselaraskan di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor meliputi pelaporan untuk kedua-dua kampus, Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Merupakan salah satu inisiatif di bawah Rector's Special Project (RSP) Yang Berbahagia Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon, majalah ini akan mengumpulkan laporan kesemua aktiviti dalam satu sistem pengumpulan yang lebih sistematik, bervisi serta menyumbang kepada peningkatan prestasi setiap warga UiTMCJ.



Merealisasikan usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah. Proses pengumpulan bahan memakan masa berbulan-bulan, setiap bahagian/jabatan/unit di UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) perlu peka terhadap aktiviti yang dilaksanakan dan memastikan pelaporan dibuat segera. Bagi memudahkan proses ini, setiap bahagian/jabatan/unit mempunyai seorang penyunting dan bertindak membuat suntingan di peringkat awal. Siapa sangka, kakitangan bukan akademik juga sangat cemerlang dalam bidang penulisan. Hal ini terbukti apabila, dapatan hasil pengumpulan hanya memerlukan sedikit sahaja sentuhan kakitangan akademik dalam proses penyuntingan. Kekerapan penerbitan majalah ini juga akan menjadi cabaran yang hebat buat sidang redaksinya. Dengan kadar penerbitan berkala sebanyak tiga (3) kali (empat (4) bulan sekali) dalam setahun, usaha pengumpulan perlu konsisten dan cekap. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua editor yang telah bertungkus lumus dan memastikan setiap gerak kerja yang dibuat dilaksanakan sebaiknya.

Saya percaya usaha penerbitan majalah ini, akan meningkatkan kredibiliti, kecekapan, akauntabiliti dan memastikan kelangsungan perkhidmatan yang disediakan untuk pemegang taruh UiTMCJ direkodkan sebaiknya. Manakala setiap bahagian/jabatan/unit pula perlu bergerak aktif menyediakan program/aktiviti yang memberi impak yang besar kepada UiTMCJ. Sekaligus, usaha kecil ini akan memberikan impak yang signifikan dalam memastikan nama UiTM Cawangan Johor terus berada di persada.

Mewakili semua Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA, saya memohon ampun dan maaf andai terdapat kekurangan dan kelemahan dalam kandungan majalah ini. Saya amat berharap usaha ini dapat diterjemahkan dan diterima dengan lebih baik pada masa akan datang melalui penerbitan edisi seterusnya. Buat warga UiTM Cawangan Johor, selamat membaca dan menikmati isi kandungan ilmu yang baru. Semoga setiap rekod dan susunan artikel dalam majalah ini akan menjadi kenangan indah buat anda semua. Terus maju UiTM Cawangan Johor.

Sekian, wassalam.

SITI NORDIYANA ISAHAK
Ketua Editor Majalah e-ADICITA
UiTM Cawangan Johor.



SOROTAN AKTIVITI REKTOR

2023

REKTOR TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI UNIVERSITI MAHSA

Penulis: Muhammad Majid



YBhg. Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor telah meluangkan masa untuk menerima Kunjungan Hormat Delegasi Kumpulan Universiti MAHSA, yang diketuai oleh Puan Norliza Md Noordin (Timbalan Dekan Pascasiswazah, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Perakaunan & Kewangan) pada 24 Oktober 2023 yang lalu. Rombongan delegasi Universiti MAHSA turut disertai oleh enam orang kakitangan lain pelbagai jawatan.

Dalam pertemuan tersebut, YBhg. Puan Rektor telah menerima taklimat ringkas melibatkan pentadbiran, pembangunan, hal ehwal akademik, serta hala tuju Universiti MAHSA dari Puan Norliza Md Noordin, Timbalan Dekan Pascasiswazah Universiti MAHSA. Antara objektif kunjungan hormat ini adalah mewujudkan hubungan baik antara Universiti MAHSA dan UiTM selain merancang pelbagai program kerjasama yang melibatkan perkongsian bakat, kepakaran serta program berbentuk penglibatan komuniti (memasyarakatkan universiti).

Turut serta meraikan delegasi Universiti MAHSA ialah Ts. Dr. Rashidah Mokhtar, Ketua Pusat Pengajian Pascasiswazah, UiTM Cawangan Johor, Dr. Nor Hazila Ismail (Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan), Dr. Siti Masnah Saringat (Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Perakaunan) dan Dr. Norashikin Ismail (Penyelaras Program DBA). Diharapkan kerjasama yang terjalin dapat memberi impak yang signifikan kepada UiTM dan Universiti MAHSA.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KUNJUNGAN HORMAT KE MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR.

Penulis: Siti Nordiyana Isahak



Pada 14 Ogos 2023 (Isnin), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah melaksanakan satu Kunjungan Hormat Ke Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ). Ketibaan delegasi UiTMCJ telah disambut oleh Encik Sulaiman Ismail, Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan), MAIJ dan pasukannya. Manakala, delegasi UiTM Cawangan Johor telah diketuai oleh Prof Madya Dr Saunah Zainon dan turut bersama-sama adalah barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Ketua Pusat Pengajian (KPP) (ACIS), Koordinator Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf, Koordinator Unit Komunikasi Korporat dan Pegawai Khas Rektor.



Satu sesi taklimat dan mesyuarat telah diadakan dan dipengerusikan oleh Dato' Dr Haji Nooh Gadot, Penasihat MAIJ. UiTMCJ turut membentangkan peranannya sebagai sebuah institusi yang mempunyai tanggungjawab memartabatkan sektor pendidikan berteraskan pembangunan bakat yang mampan. Ekosistem pendidikan yang teguh, tentunya memerlukan sokongan serta sumber yang boleh dipercayai dalam membentuk personaliti warganya agar relevan untuk dipasarkan kelak. Manakala pihak MAIJ juga telah membentangkan peranannya sebagai sebuah institusi yang mempunyai peranan menguruskan hal ehwal agama, memberi khidmat nasihat mengenai adat istiadat diraja, menguruskan kebajikan orang Islam disamping fungsi-fungsi lain seperti menguruskan dan mentadbir kumpulan wang zakat, fitrah, harta Baitulmal dan sebagainya.

Melalui kunjungan ini juga, kerjasama antara kedua-dua pihak dapat dieratkan. Beberapa perkara turut dibincangkan antaranya penghasilan modul solat, program seminar dan penubuhan kerjasama antara MAIJ dan UiTMCJ melalui kajian lapangan serta MoU/MoA. Pihak MAIJ juga mengalu-alukan sebarang bentuk kolaborasi yang memanfaatkan kedua-dua pihak. Kunjungan hormat ini diakhiri dengan majlis bertukar-tukar cenderahati antara kedua-dua pihak.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Johor

MAJLIS MENANDATANGANI MoA SERTA KUNJUNGAN HORMAT KE UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) DAN JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF & BAITULMAL, BRUNEI DARUSSALAM

Penulis: Mohamad Zaki Razaly dan Mahasin Mearaj

Pada 19 September 2023, delegasi UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) yang diketuai oleh YBhg. Rektor, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon telah berjaya menyempurnakan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dan Kunjungan Hormat ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Brunei Darussalam. Delegasi UiTMCJ ke Brunei Darussalam turut disertai YBrs. Dr. Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, YBrs. Dr. Rosmawati Haron, Liason Officer OIA, Ustaz Mohamad Zaki Razaly, Ketua Pusat Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) serta pensyarah-pensyarah dari ACIS UiTMCJ.

Ketibaan delegasi UiTM Cawangan Johor di UNISSA pada jam 9 pagi disambut oleh pengurusan tertinggi UNISSA yang diketuai oleh Dr. Hajah Lilly Suzana Hj Shamsu selaku Penolong Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta Prof. Dato Dr. Haji Zulkifly Bin Muda, Dekan Fakulti Shariah dan Undang-Undang, UNISSA. MoA yang dimeterai antara UiTM dan UNISSA merupakan jalinan kerjasama yang akan memfokuskan pelaksanaan Geran SRP (Strategic Research Partnership) yang diketuai oleh YBrs. Dr. Mohd Ali Muhamad Don, Koordinator ACIS UiTMCJ. Selain itu, melalui MoA ini juga diharapkan beberapa inisiatif lain dapat digerakkan antaranya mobiliti staf dan pelajar, penerbitan bersama, pengajaran kolaboratif dan sebagainya. Seusai majlis menandatangani MoA, disusuli dengan Seminar Antarabangsa Filantropi Islam 2023 yang melibatkan 8 orang pembentang dari UNISSA dan ACIS, UiTMCJ dengan tema *"Towards Sustainability of Muslim Philanthropy Fund"*.



Pada sebelah petang pula, kunjungan hormat UiTMCJ diteruskan ke Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal Brunei Darussalam. Delegasi UiTMCJ telah disambut oleh YM Tuan Ariffin Dato Paduka Haji Abu Bakar, Pemangku Pengarah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal bertempat di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam. Kunjungan hormat ini berhasrat memperkasakan pelaksanaan zakat dan wakaf serta bertukar idea dan pandangan antara kedua-dua institusi.

Semoga usaha-usaha yang telah dibuka ini akan meningkatkan kecemerlangan UiTM di mata dunia dan bergerak seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM 2025) di mana penekanan lebih agresif ke arah memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat global dilaksanakan.

KUNJUNGAN HORMAT UiTMCJ KE PEJABAT YAB MENTERI BESAR JOHOR.

Penulis: Siti Nordiyana Isahak

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) komited meneruskan hubungan baik dengan kerajaan negeri Johor melalui perkongsian kepakaran dalam menjayakan agenda pembangunan negeri. Ini merupakan antara agenda utama yang turut dibincangkan oleh kedua-dua pihak semasa sesi Kunjungan Hormat UiTM Cawangan Johor ke Pejabat YAB Menteri Besar Johor yang telah dilangsungkan dengan jayanya yang bertempat di Bilik Mesyuarat 3, Pejabat Menteri Besar Johor pada 24 Mei 2023 yang lalu.

Delegasi UiTMCJ diketuai oleh Yang Berbahagia Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon telah disambut oleh Yang Berhormat Cik Norlizah Noh, Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor, yang mewakili YAB Menteri Besar kerana tidak dapat bersama atas urusan lain. Turut bersama-sama dalam sesi ini adalah Tuan Hj Zulkifly Hj Mohd Tahir, Pengurus Besar Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dan delegasinya, yang banyak memberikan input dan idea agar jalinan kerjasama ini akan menjadi lebih relevan bagi kedua-dua pihak. Selain itu, Pegawai Khas YAB Menteri Besar Johor dan wakil Setiausaha Bahagian, Perancangan Ekonomi Negeri Johor (BPEN) juga turut serta dalam sesi ini.

Prof Madya Dr Saunah Zainon dalam pembentangannya berkata; 'Sebagai sebuah universiti awam yang berada di utara negeri Johor, UiTMCJ bersedia untuk bertindak sebagai wadah penyampaian perkhidmatan yang lebih telus kepada masyarakat di sekitarnya'. Menjadi sebuah universiti yang jauh dari kawasan pentadbiran negeri, agak sukar buat UiTMCJ mendapatkan input yang sewajarnya dengan cepat berbanding universiti lain. Namun, ia bukanlah halangan apabila lebih banyak program yang melibatkan pembangunan dalam sektor pendidikan mula melibatkan UiTMCJ di peringkat negeri. Justeru, hubungan erat melalui kunjungan hormat sebegini mampu mencipta ruang dan peluang yang baik untuk universiti terus berasimilasi dengan kerajaan negeri dan masyarakat di Daerah Segamat khasnya. Yang Berhormat, Cik Norlizah Noh menyambut baik usaha yang telah dilaksanakan oleh UiTMCJ dalam memastabatkan sektor pendidikan di negeri Johor khasnya.

Antara intipati perbincangan lain adalah meneruskan jalinan kerjasama yang sedia ada dengan kerajaan negeri, pemerksaan mahasiswa, UiTM Prihatin dan tawaran kepakaran bidang kepada kerajaan Negeri Johor. Semoga hubungan baik ini berterusan dalam memastikan sinergi UiTM terus relevan bersama-sama Kerajaan Negeri Johor bagi memberikan nilai tambah yang baik kepada komuniti.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



PROGRAM FLAGSHIP HUB KLUSTER BERNILAI TINGGI DI DAERAH SEGAMAT

Penulis: Siti Nordiyana Isahak dan Datin Aryani Abdullah.

Dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, memiliki kemahiran, kebolehan dan nilai kemanusiaan yang tinggi sesebuah universiti bertanggungjawab untuk membina hubungan baik dengan industri, agensi, kerajaan tempatan mahupun komuniti sekitar. Hubungan baik ini akan membantu graduan yang bakal dilahirkan kelak dapat berasimilasi bersama persekitaran dengan lebih cekap dan sentiasa berorientasikan kecemerlangan. Penerokaan dalam bidang yang bukan kepakaran juga, akan menjadi satu nilai tambah kepada sesebuah institusi pendidikan tinggi. Melalui usaha ini, universiti telah membuka kepelbagai peluang bagi mahasiswa/i menerokai bidang baru di luar waktu pembelajaran mereka. Adalah menjadi harapan, mahasiswa/i yang dilahirkan kelak bakal menjadi graduan yang holistik serta pilihan majikan dalam pasaran kerja. Mahasiswa/i perlu mencabar potensi diri mereka bagi bersaing setanding dengan graduan lepasan universiti lain. Malahan melalui pendedahan sebegini, pembentukan graduan yang mempunyai minda kelas pertama dapat dihasilkan dan tentunya menjadi rebutan pemain industri kelak.



UiTM Cawangan Johor telah terpilih sebagai salah satu institusi yang terlibat dengan Program Flagship Hub Kluster Bernilai Tinggi di Daerah Segamat yang mana sub kompenannya adalah tanaman Bromeliad. UiTM Cawangan Johor menjadi IPTA pertama di Malaysia menerima pokok bromeliad untuk dijadikan tanaman hiasan 'ornamental' dengan mewujudkan 'Taman Mini Bromeliad'. Program ini mendapat tajaan penuh daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Negeri Johor. Satu Majlis Penyerahan Ringkas oleh Pengarah LPNM Johor, En Ahmad Fitri Shah Mohd Yussof telah berlangsung dengan jayanya pada 09 Ogos 2023 yang lalu dan diterima oleh Yang Berbahagia Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon. Turut serta dalam acara ini adalah Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan pegawai-pegawai LPNM Negeri Johor serta Pengurus Pengusaha Nanas Negeri Johor, Tuan Hj Norman Shahron.





UiTM Cawangan Johor amat berbesar hati menerima sumbangan dari LPNM Negeri Johor. Ini membuktikan hubungan baik dengan industri dapat dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk terutamanya aspek pendidikan. Melalui kewujudan taman mini ini, ia menjadi satu simbolik penerokaan bidang baru kepada UiTMCJ. Walaupun institusi ini tidak mempunyai fakulti perladangan di cawangannya, tetapi perkongsian kepakaran bersama industri dapat dimanfaatkan dan diterjemahkan dengan kewujudan 'Taman Mini Bromeliad' yang ditaman dengan pelbagai spesis nanas hiasan atau lebih dikenali sebagai spesis bromeliad. Mahasiswa/i akan diperkasakan dengan ilmu pemasaran dan cara pembiakan bromeliad memandangkan spesis tanaman ini bernilai tinggi di pasaran. Semoga kerjasama yang erat ini dapat diteruskan di masa akan datang. Terima kasih diucapkan kepada Unit Keusahawanan MASMED, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJIA) dan Unit Komunikasi Korporat yang menguruskan majlis ringkas ini.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Johor

PROGRAM 'SAUNAH'S SHARING SESSION' (3S)

Penulis: Datin Aryani Abdullah dan Siti Nordiyana Isahak.

Program 'Saunah Sharing Session' (3S) telah diadakan di UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang pada 26 Jun 2023. Program bermula jam 11.00 pagi secara bersemuka bagi warga kampus Pasir Gudang dan secara maya yang bersiaran di *UiTM Johor YouTube Channel* untuk warga kampus Segamat. Ini merupakan sesi kedua perjumpaan bagi perkongsian maklumat, kejayaan dan harapan oleh YBhg. Prof Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor bersama warga kampus selepas program pertama diadakan iaitu "Amanat Rektor dan Pencapaian 100 Hari Rektor" pada 15 Mac 2023 yang lepas di kampus Segamat.



Tujuan Program 'Saunah Sharing Session' ini adalah menyalurkan maklumat dan berita terkini berkenaan kampus kepada semua warga. Rektor mengharapkan setiap warga celik maklumat agar matlamat bekerja dan halatuju serta misi UiTM dapat dicapai. Pelaporan yang berimpak yang disediakan oleh setiap jabatan, fakulti dan unit disampaikan serta dikongsikan oleh Rektor secara ringkas dan padat. Ini menunjukkan bahawa Rektor mengambil tahu apa yang berlaku di setiap jabatan dan memastikan semua warga termasuk pihak pengurusan cakna akan perihal kampus. Selain dari pelaporan yang diterima, Rektor juga akan hampir setiap hari melawat sekitar kampus, melihat sendiri keadaan dan menyiasat akan laporan yang disampaikan agar tindakan pembetulan dan pencegahan dapat segera diambil.

Perjumpaan seperti 3S ini juga menjadi wadah kepada Rektor selaku ketua organisasi untuk memberi nasihat dan memberi peringatan kepada perkara-perkara yang masih lagi belum tercapai seperti KPI, jam latihan dan lain-lain. Selain itu, ia menjadi platform untuk menyampaikan berita-berita kejayaan yang diraih warga kampus dalam pelbagai bidang. Sekaligus diharap dapat membakar semangat kepada yang lain agar turut mencapai kejayaan demi kejayaan pada masa akan datang. Sesi 3S ini juga memberi peluang untuk warga menyampaikan dan bertanya akan hal dan isu penting kepada pihak pengurusan tertinggi UiTMCJ (JKEN).



Sesungguhnya sesi 3S ini memberi peluang kepada Rektor dan pihak pengurusan tertinggi untuk berinteraksi secara dua hala. Program ini menunjukkan keprihatinan Rektor dan usaha padu beliau untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan menjadi wakil kepada warga bagi menyalurkan isu, permohonan dan keperluan kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti. Sesi berkala ini telah dirancang sendiri oleh Rektor bagi mendekati warga dalam melancarkan perjalanan dan urusan di UiTM Cawangan Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat, UiTM CJ.



HEA
HAL EHWAL AKADEMIK

2023

AKTIVITI PENDAFTARAN AKADEMIK PELAJAR BAHARU SEMESTER OKTOBER 2023 - MAC 2024

Penulis: Zety Natamulia Elias



Semester baharu bagi sesi Oktober 2023-Mac 2024 dimulakan dengan Sesi Pendaftaran Akademik Pelajar Baharu yang telah diadakan secara dua peringkat. Seramai 13 orang staf dari Unit Rekod dan Unit Penilaian Akademik, Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Johor telah terlibat dalam sesi pendaftaran pelajar baharu ini. Turut serta ialah Yang Berusaha Timbalan Rektor Akademik, Prof. Madya Dr. Akmal Aini Othman yang hadir di lokasi pendaftaran bagi meninjau kelancaran perjalanan kedua-dua sesi pendaftaran berkenaan.

Sesi pertama pendaftaran akademik telah diadakan pada 24 September 2023 bertempat di Bilik Kuliah Sri Pegaga (BKSP), UiTM Cawangan Johor, melibatkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia, Diploma, Matrikulasi dan setaraf dengannya. Kemasukan pelajar pada peringkat Pra Diploma BA002 dan BA003 adalah seramai 165 orang pelajar, dan kemasukan ke peringkat Diploma AC110, BA111, BA114, BA119, CDCS110, CDCS143, CDIM110 dan LG120 pula ialah seramai 1536 orang pelajar.

Selain itu, seramai 463 orang pelajar baharu pada peringkat Ijazah Sarjana Muda turut mendaftar melibatkan kursus AC220, BA240, BA242, BA249, BA251, BA252, CDIM261 dan satu kursus baharu iaitu IC210. Peratusan pendaftaran pelajar Ijazah Sarjana Muda adalah sebanyak 61.73% sahaja berbanding unjuran yang telah dikeluarkan. Pendaftaran akademik sesi kedua pula telah diadakan pada 1 Oktober 2023 bertempat di Bilik Seminar, Blok Sri Bendahara melibatkan 34 orang pelajar penerapan daripada Pra Diploma ke Diploma. Secara keseluruhannya sesi pendaftaran pelajar baharu semester Oktober 2023-Mac 2024 telah berjalan dengan lancar hasil kerjasama semua pihak.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

Program Sembang Santai Bersama Rektor merupakan aktiviti yang telah dirancang khusus sempena bulan Syawal 1444H bagi Kolej Pengajian Sains Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM).

Program ini menjadi satu platform untuk mempereratkan hubungan dalam kalangan ahli fakulti, memberikan ruang santai untuk interaksi bersama pihak pengurusan dan pentadbiran serta membina rangkaian positif yang mampu meningkatkan kerjasama antara ahli KPPIM, khususnya, dan warga UiTM Cawangan Johor secara keseluruhannya.


Program dimulakan dengan bacaan doa oleh pensyarah En. Muhammad Yassar Yusri bagi memberkati majlis. Seterusnya ucapan disampaikan oleh Ketua Pusat Pengajian KPPIM, Ts. Ahmad Kamalrulzaman bin Othman bagi mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, Timbalan Rektor HEA, Timbalan Rektor HEP serta semua ahli fakulti yang terdiri dari para pensyarah KPPIM dari Jabatan Sains Komputer, Matematik dan Statistik. Program diteruskan lagi dengan sembang santai bersama Rektor. Pelbagai perkara disentuh dalam amanat beliau antaranya harapan tentang penglibatan para pensyarah dalam penulisan dan penyelidikan agar dapat mencapai *Key Performances Indicator* (KPI) Universiti. Beliau juga menekankan akan keperluan kepada penambahbaikan pelbagai infrastruktur di sekitar kampus, di mana semua pihak memainkan peranan sama ada secara langsung atau tidak dengan memberikan maklumbalas atau sumbangan tenaga. Program diakhiri dengan jamuan makan dengan menu hari raya yang menyelerakan.

Setinggi-tinggi kesyukuran diucapkan atas penganjuran program sembang santai bersama rektor yang julung-julung kali diadakan dan juga merupakan Kolej Pengajian yang pertama menganjurkan program seumpama ini di UiTM Cawangan Johor. Program ini juga merupakan salah satu daripada "Rector's Special Project" (RSP) yang telah diadakan khusus untuk mencapai KPI universiti.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

SEMBANG SANTAI BERSAMA REKTOR, KOLEJ PENGAJIAN SAINS PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK

Penulis: Ts Ahmad Kamalrulzaman Othman dan Noor Azrin Zainuddin.



HEP

HAL EHWAH PELAJAR

2023

KARNIVAL SUKAN MASUM FASA I & II

Penulis: Siti Sakinah Ismail

Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) telah berlangsung sebanyak 2 fasa iaitu pada 15 hingga 20 Ogos (Fasa 1) di Universiti Sains Islam Malaysia dan pada 23 hingga 31 Ogos (Fasa 2) di Universiti Teknikal Melaka, (UTeM). MASUM merupakan pertandingan sukan yang dianjurkan melibatkan persaingan antara universiti. Kejohanan berprestige ini telah menjadi pemangkin kepada pembangunan sukan yang mampan di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta, IPTA dan IPTS.



Alhamdulillah, dua (2) pelajar UiTM Cawangan Johor yang telah terpilih mewakili UiTM dalam acara Bola Baling Wanita telah berjaya mengharumkan nama UiTM dengan memenangi pingat emas. Mereka adalah Nur Anis Amani dari program *Diploma in Business Studies* (BA 111) dan Nur Alaya Fathiah Zulkefli dari program *Diploma in Business Studies (Transport)* (BA117). Manakala Muhammad Shazril Nazmi dari program *Diploma of Mechanical Engineering* (EM110) telah berjaya merangkul pingat emas dalam acara Berbasikal MTB.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM ZIARAH PRIHATIN DI KG PARIT HJ ALI, MUKIM 2 BAGAN, BATU PAHAT.

Penulis : Siti Nor Hadijah Md Supaat



Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Johor telah menyantuni bakal pelajar UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat di Kg Parit Hj Ali, Mukim 2 Bagan, Batu Pahat pada hari Jumaat, 5 Ogos 2023. Saudari Nur Arrisya Dalila bt Zulian, bakal mengikuti pengajian di peringkat diploma dalam bidang Sains Komputer & Matematik di UiTMCJ, Kampus Segamat untuk semester akan datang. Ibunya baru meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya dan kini menetap di rumah makciknya bersama dua orang lagi adik beradik. Seorang lagi adiknya adalah Orang Kelainan Upaya (OKU) manakala ayahnya juga seorang OKU menetap di Melaka dan bekerja sambilan.

Yang Berusaha, Dr Basaruddin Shah bin Basri (Timbalan Rektor, HEP), Puan Siti Nor Hadijah Md Supaat (Penolong Pendaftar Kanan, HEP) dan Encik Norhisham Ambi (Pegawai Eksekutif Kanan) mewakili warga HEP telah menyampaikan sumbangan asas makanan harian kepada keluarga pelajar dan juga sumbangan peribadi. Ahli keluarga pelajar yang diziarahi menerima baik kunjungan dan ziarah kami dalam usaha membantu keluarga yang susah dan amat memerlukan bantuan. Melalui lawatan ini, pihak kami dapat meluangkan masa bertanya khabar dan memaklumkan kemudahan serta bentuk bantuan yang disediakan kepada pelajar. Pelajar dan keluarga pelajar yang diziarahi berterima kasih kepada bahagian HEP, UiTM Cawangan Johor yang datang membantu dan memudahkan urusan pengajiannya di kampus nanti.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KURSUS PEMANTAPAN PENGENDALIAN TATATERTIB PELAJAR (HEP), UITM CAWANGAN JOHOR.

Penulis : Siti Nor Hadijah Md Supaat

Kursus Pemantapan Pengendalian Tataterrib Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Johor telah dilaksanakan pada 7 dan 8 September 2023 bertempat di UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang. Peserta kursus seramai 27 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Sidang Tataterrib dan Anggota Polis Bantuan Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Kursus ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dan peserta juga telah didekah dengan pelbagai ilmu berkaitan Pengendalian Tataterrib Pelajar, Tatacara Kelolaan Proses Rayuan dan Asas Siasatan.

Antara objektif kursus yang disasarkan adalah untuk memantapkan proses pengurusan dan pengendalian tataterrib pelajar, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta yang terlibat dan mengikut panduan yang ditetapkan serta meningkatkan pemahaman staf yang terlibat dengan proses tataterrib pelajar. Pengisian program telah disampaikan oleh Cik Nor Azila Maharam, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Tataterrib Pelajar, Pejabat Penasihat Undang-undang, UiTM Shah Alam. Antara tajuk pengisian ialah ceramah berkaitan Akta 174 dan pengendalian tataterrib pelajar, tatacara kelolaan proses rayuan dan asas siasatan. Kursus ini telah dijalankan dengan jayanya dan mencapai objektif yang disasarkan. Para peserta pada keseluruhannya telah memberikan kerjasama yang amat baik di sepanjang waktu kursus dijalankan. Penceramah juga telah menyampaikan ceramah dengan baik dan berkesan.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Unit Kerjaya dan Kaunseling telah menjalankan siri program kesejahteraan mental dan emosi bersama mahasiswa sepanjang semester Mac – Ogos 2023. Antara program dijalankan ialah program Kesejahteraan Mental dan Emosi (6 April 2023) di Bilik Seminar Sri Bendahara, *Mental Health Matters: How Can I Help You* (18 Mei 2023) dan *Youth Talk: Fight or Give Up* (17 Jun 2023) di LT2, *Anxiety and Happiness* (15 Jun 2023) di LT1, dan Bimbingan Kelompok Kaunseling Rakan Sebaya (bersiri sepanjang Jun hingga Julai 2023) di bilik kuliah Blok Cendekiawan. Pelaksanaan program ini melibatkan penyertaan seramai 647 orang mahasiswa melalui pengisian program oleh fasilitator pelajar Rakan Kaunselor, penceramah dalam kalangan pegawai psikologi UITM, Pegawai Psikologi Pejabat Kesihatan Daerah Segamat dan *Mental Health Advocate* iaitu Encik Aiman Amri.

Program ini merupakan inisiatif murni universiti dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap masalah kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa dan mempersiapkan mahasiswa untuk lebih bersedia apabila berhadapan dengan situasi dan cabaran kehidupan yang tidak menentu. Pihak universiti sentiasa cakna dan prihatin untuk bertindak sebagai sistem sokongan kepada kesejahteraan mental mahasiswa dalam melahirkan graduan yang unggul serta berdaya tahan mendepani cabaran mendatang dan menyokong kesejahteraan mental pelajar.



Sumber gambar keseluruhan laporan
adalah daripada penulis.



• CAKNA DAN PRIHATIN KESIHATAN MENTAL KE ARAH KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI

Penulis : Wan Noradila Wan Mohd Zain

MALAYSIAN POLYCC INTERNATIONAL ORIENTEERING CHAMPIONSHIP.

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali

Unit Kokurikulum, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat telah menghantar dua (2) orang staf Unit Kokurikulum, Encik Muhammad Noriman bin Mohd Ali dan Encik Nor Bazran Bin Baharum dalam pertandingan di bawah International Orienteering Federation (IOF), kategori World Ranking Event (WRE) dan National Ranking Event (NRE): *Malaysia Polytechnic International Orienteering Championship 2023*, anjuran Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), bermula 12hb hingga 14hb Mei 2023.

Kedua-dua wakil UiTMCJ ini telah berjaya menamatkan pertandingan untuk kedua-dua hari dalam kategori terbuka lelaki dan bersaing bersama-sama atlet luar negara seperti Jepun, Singapura, Taiwan, Hong Kong, Indonesia dan Switzerland. Penglibatan staf Unit Kokurikulum dalam pertandingan sukan seperti ini adalah bertujuan mendapatkan pengalaman sebagai seorang peserta dan mempelajari pengurusan penganjuran pertandingan yang melibatkan penyertaan daripada peserta luar negara.

Majlis Perasmian Penutup Kejohanan *Malaysian PolyCC International Orienteering Championship* telah disempurnakan oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berlangsung pada jam 10.30 pagi bertempat di Padang Hoki, Kompleks Majlis Sukan Pahang.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Selamat Mengambut

ULANG TAHUN KESATRIA

8 JUN
2023

Ke 47

"BERILMU DAN BERDISIPLIN"



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KESATRIA KE 47

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali.

Kesatria UiTM menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke- 47 pada 8 Jun 2023. Unit Kesatria merupakan unit kokurikulum pertama yang diwujudkan di UiTM berbangkit dari dua insiden demonstrasi oleh pelajar-pelajar di semua IPTA (termasuk UiTM) pada akhir tahun 1975 dan awal tahun 1976. Bagi mengatasi masalah disiplin dan salah laku pelajar ketika itu, maka Kokurikulum Kesatria ditubuhkan dengan objektifnya untuk menerapkan nilai-nilai disiplin yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Sambutan Hari Kesatria Peringkat UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah dilaksanakan di Kampus Segamat. Dengan motto 'Berilmu dan Berdisiplin', kokurikulum ini sudah 47 tahun mendidik anak melayu dan bumiputera UiTM keseluruhannya. Sempena Ulangtahun Kesatria ke-47 tahun, Unit Kokurikulum UiTMCJ telah mengadakan beberapa program bagi membangkitkan semangat serta penghargaan kepada kokurikulum yang telah menjadi sebahagian dari identiti UiTM ini.

Sambutan bermula pada 8 Jun 2023 dengan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil yang telah dijalankan bersama-sama staf dan pelajar kesatria. Manakala, pada 9 Jun 2023 pula telah berlangsung Perbarisan Ulang Tahun Kesatria ke-47 yang diketuai oleh Leftenan Nor Bazran bin Baharum (Kest). YBhg Brig. Jen. Prof. Madya Dr. Saunah Binti Zainon (Kest), Rektor, UiTM Cawangan Johor telah dijemput untuk merasmikan sambutan. Turut hadir adalah Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan pegawai kehormat kesatria yang lain. Persembahan Tempur Tanpa Senjata, Gerak Gempur Kesatria, Colour Guard Brass Band dan penyampaian sajak kesatria merupakan antara acara menarik yang dipersembahkan.

Sambutan Ke-47 Tahun Kesatria UiTM ini, pertama kali diadakan di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Semoga sambutan ini diteruskan pada tahun mendatang dengan penyertaan dari kampus - kampus lain.

KOMANDER KESATRIA ENDURANCE CHALLENGE SIRI 11/2023.

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali.

Komander Kesatria Endurance Challenge (KKEC) merupakan satu aktiviti tahunan yang diadakan sempena ulang tahun Kesatria UiTM. Aktiviti tahunan ini melibatkan 13 Kampus cawangan seluruh sistem UiTM Se-Malaysia. Pada tahun ini, UiTM Cawangan Kelantan telah diberikan amanah dan tanggungjawab untuk menjadi tuan rumah bagi KKEC siri 11/2023 pada 4 September hingga 10 September 2023.

Tujuan program ini adalah untuk menguji daya ketahanan fizikal dan mental dalam menempuh setiap halangan serta memupuk pelajar agar memiliki jati diri yang tinggi. Di samping itu, dapat meningkatkan pengetahuan dan mengeratkan hubungan antara Komander Kesatria seluruh UiTM dari setiap kampus. Unit Kokurikulum, UiTM Cawangan Johor (UITMCJ) telah menghantar seramai 60 orang Komander Kesatria yang aktif bagi menyertai Pertandingan KKEC tersebut. Terdapat 6 Acara dipertandingin antaranya adalah Duathlon, Jalan Lasak, Score Orienteering, MTB -Orienteering, Obstacle Challenge dan Tug of War. Daripada 6 acara tersebut, Komander Kesatria UITMCJ telah berjaya merangkul 2 emas dalam acara Score Orienteering kategori siswa dan MTB-Orienteering kategori siswi. Bagi acara Jalan Lasak kategori siswi dan Tug of War telah berjaya mendapat pingat gangsa dan kutipan keseluruhan pingat adalah 2 emas dan 2 gangsa.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Majlis Perasmian Penutup Komander Kesatria Endurance Challenge (KKEC) UiTM Siri 11/2023 pada 9 September telah dirasmikan oleh Pengurus Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose. Turut bersama dalam majlis adalah Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, UiTM. Kontingen Johor dinobatkan tempat ketiga keseluruhan bagi pertandingan KKEC pada kali ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada setiap atlet yang terlibat kerana berjaya menghabiskan setiap acara yang dipertandingkan dengan jayanya.

MAJLIS PENTAUULIAHAN LEFTENAN MUDA KESATRIA SIRI 18/2023.

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali.

Pada 4 Mac yang lalu, telah berlangsungnya Majlis Pentaulahan Leftenan Muda Kesatria UiTM Se-Malaysia Siri ke 18/2023 secara bersemuka yang bertempat di Padang Kawad UiTM Cawangan Selangor. Pengisytiharan pentaulahan telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM. Turut sama hadir dalam majlis tersebut adalah YBhg. Prof. Ts. Dr. Asmah Awal, Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) Menjalankan Tugas-tugas Rektor, UiTM Cawangan Selangor dan Prof. Madya Dr. Mohd Azman Yahaya, Pengarah Pusat Kokurikulum UiTM. Majlis pentaulahan ini juga menyaksikan 20 orang telah dipilih sebagai Komander Kesatria Terbaik bagi setiap UiTM cawangan dan kampus.

Majlis turut bersiaran secara langsung untuk tontonan para Komander Pentaulahan Se-Malaysia melalui platform YouTube UiTM Channel. Majlis pentaulahan tersebut juga dihadiri oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor, UiTM Cawangan Johor dan Dr Basaruddin Shah bin Basri, Timbalan Rektor HEP, UiTM Cawangan Johor. Melibatkan Komander Kesatria UiTM Cawangan Johor, Batch 35 dengan kekuatan anggota seramai 52 orang komander telah berjaya ditauliahkan. Tujuan majlis ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan kepada para Komander Kesatria yang telah berkhidmat dengan jayanya dalam memenuhi amanat yang telah diberikan sepanjang bergelar Komander Kesatria.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Universiti Awam (UA) Malaysia merupakan nadi utama negara dalam menghasilkan graduan yang holistik dan cemerlang bagi memenuhi keperluan sumber manusia negara. Penghasilan graduan perlulah seimbang antara pencapaian akademik dan penglibatan mereka dalam aktiviti di luar proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Bagi mengimbangi keperluan tersebut, Unit Kokurikulum UiTM Cawangan Johor telah menganjurkan Program Latihan Intensif Bakal Komander (LIBK) dan Latihan Intensif Brass Band (LIBB) yang melibatkan seramai 150 Pelatih LIBK Siri ke-37 dan Pelatih LIBB Siri ke-35 seramai 106 orang. Kesemua pelatih ini telah berjaya menamatkan sesi latihan yang telah diadakan pada 9 Mac 2023 dan berakhir pada 16 Mac 2023. LIBK merupakan keperluan dan syarat wajib bagi pengambilan ahli baharu pada setiap tahun. Setiap pelatih perlu menjalani latihan asas sebelum bergelar Komander Kesatria UiTM dengan anugerah pangkat permulaan, iaitu Komander Rendah Muda (KRM). Kedua-dua latihan ini merupakan program tahunan yang dikendalikan oleh Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar diseluruh sistem UiTM.

Majlis tamat latihan intensif bakal komander dan latihan intensif brass band telah dirasmikan oleh Brig. Jen. Prof. Madya Dr. Saunah Binti Zainon (Kest) dan dihadiri oleh Jawatankuasa Eksekutif Negeri serta Pegawai Kehormat Kesatria. Matlamat dan objektif program latihan ini adalah mempersiapkan pelatih dengan ilmu kepimpinan, selain memupuk semangat kerja berpasukan yang sihat dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan membangunkan semua aspek kemahiran insaniah (KI) dalam kalangan pelatih.

Akhir kata, peranan menjadi pelajar badan beruniform ini bukan sahaja untuk melahirkan individu yang berjiwa kental dan berdisiplin tinggi, malahan ia juga diharapkan mampu membantu mengangkat nama UiTM ke peringkat yang lebih tinggi di mata dunia.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



MAJLIS PENUTUP LIBK SIRI 37 DAN LIBB SIRI 35

Penulis: Muhammad Noriman Mohd Ali

MISI SUKARELAWAN PASCA BANJIR.

Penulis : Muhammad Noriman Mohd Ali



Unit Kokurikulum memainkan peranan penting sebagai urusetia Sukarelawan Pasca Banjir dari pembukaan bilik gerakan, menerima sumbangan peralatan mangsa banjir dan juga bertindak sebagai sukarelawan pasca banjir. Para sukarelawan ini terdiri daripada staf dan pelajar UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ). Pada 7 Mac hingga 11 Mac, seramai 100 orang sukarelawan terdiri daripada staf UiTMCJ, Majlis Perwakilan Pelajar, Majlis Perwakilan Komander Kesatria dan Persatuan Briged Sukarelawan telah menggerakkan misi bantuan pasca banjir di Daerah Segamat yang terjejas akibat bencana tersebut. Bantuan daripada segi tenaga diperlukan bagi pembersihan di kawasan perumahan yang terjejas teruk.

Misi kali ini juga bertumpu kepada beberapa rumah staf UiTMCJ yang terjejas akibat bencana banjir. YBhg. Prof. Mohd Sazili bin Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM serta Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor, UiTM Cawangan Johor dan Dr Basaruddin Shah bin Basri, Timbalan Rektor HEP, UiTM Cawangan Johor juga turun padang bagi melawat dan memberi sumbangan berupa barang kepada staf UiTMCJ yang terkesan akibat bencana tersebut.

Selain membantu mangsa banjir, misi ini bertujuan menggalakkan sukarelawan untuk tolong-menolong antara satu sama lain dan menerapkan nilai kesukarelawan yang tinggi dan perlu dibangunkan secara holistik agar mahasiswa didedahkan dengan sifat dan falsafah kesukarelawan secara berterusan. Secara tidak langsung aktiviti sebegini dapat memupuk keharmonian sejagat.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE 66

Penulis : Muhammad Noriman Bin Mohd Ali



Hari Kebangsaan Malaysia yang disambut setiap 31 Ogos saban tahun merupakan satu tarikh yang sangat signifikan kepada semua warganegara. Tarikh keramat ini disambut bagi menandakan negara bebas daripada belenggu penjajahan sejak tahun 1782 hingga 1957. Pada tanggal ini, rakyat Malaysia bersama-sama menyambut hari kemerdekaan yang ke-66 dengan penuh penghayatan dan kesyukuran. Alhamdulillah, sekali lagi pada tahun ini kita dapat menyambutnya secara besar-besaran.

Sambutan Peringkat Daerah Segamat Tahun 2023 pada kali ini disambut dengan penuh kemeriahian melalui pengisian pelbagai acara antaranya perbarisan, perarak dan perhimpunan Hari Kebangsaan kali ke-66. Program ini dimulakan dengan perbarisan pada jam 8.00 pagi. Unit Kokurikulum telah menghantar Seramai 60 orang komander kesatria bagi acara perbarisan kemerdekaan. Perbarisan ini juga diiringi seramai 80 orang pelajar daripada Brass Band UiTM Cawangan Johor yang memainkan peranan penting dalam perarak utama perbarisan kemerdekaan. Seluruh agensi kerajaan, dan badan bukan kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Tinggi (IPTA), sekolah rendah dan sekolah menengah juga terlibat dalam acara perbarisan ini. Malah, mereka juga memakai pakaian mengikut kreativiti masing-masing.

Komander Kesatria Batalion VI UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah dinobatkan sebagai Johan dalam Pertandingan Perbarisan bagi kategori Pengajian Tinggi/Sekolah Menengah. Tahniah juga kepada barisan staf UiTM yang turut serta dalam perbarisan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para peserta yang menyertai Sambutan Hari Kebangsaan.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MIASA SPORTS DAY 2023

Penulis: Siti Sakinah Ismail

Mental Illness Awareness & Support Association (MIASA) telah menganjurkan Kejohanan Olahraga Terbuka, pada 6 Mei 2023 bertempat di Panasonic Sports Complex, Shah Alam. Saudara Ikmal Fathillah Abu Aqram, pelajar semester 2 daripada program Diploma in Information Management (CIDM110) telah berjaya merangkul pingat emas bagi acara larian 100 meter terbuka melalui penyertaannya sebagai ahli "Red Giant Para Athletic Club". Tahniah dan syabas diucapkan atas pencapaian yang mengharumkan nama UiTM Cawangan Johor. Semoga kejayaan ini memberi suntikan semangat buat Saudara Ikmal terus cemerlang dalam sukan olahraga dan seterusnya membuka mata warga UiTM Cawangan Johor untuk terus berusaha mencapai kejayaan yang gemilang.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KEJOHANAN TENPIN BOWLING MASSA MASUM 2023

Penulis: Siti Sakinah Ismail



Sukan Massa merupakan sukan yang menggalakkan penyertaan yang lebih meluas. Melalui konsep Malaysia cergas, kesedaran dipupuk dalam kalangan masyarakat untuk mementingkan kesihatan melalui kegiatan sukan, aktiviti fizikal dan rekreasi. Kesedaran ini diharap dapat menimbulkan minat yang berterusan selain memupuk nilai-nilai positif melalui pendidikan sukan sekaligus merangsang penyertaan dalam kegiatan sukan, rekreasi dan kecergasan.



Sehubungan itu, dua (2) orang pelajar UiTM Cawangan Johor telah menyahut cabaran ini dan telah terpilih mewakili UiTM di kejohanan Tenpin Bowling Massa, Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2023 pada 15 hingga 18 Jun 2023 bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. Alhamdulillah, Saudara Muhammad Firhan Iqbal pelajar semester 4 dari program Diploma in Mechanical Engineering (CEEM110) telah berjaya memenangi 2 pingat emas dan 2 pingat perak manakala Saudari Nur Farisha Yasmin pelajar semester 4 dari program Diploma in Business Studies (Transport) (BA117) telah berjaya merangkul 1 pingat emas dan 1 pingat gangsa. Pencapaian cemerlang bagi kedua-dua pelajar tersebut telah turut mengharumkan nama UiTM.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM KEMBARA 40 TAHUN YAYASAN PELAJARAN JOHOR BERSAMA KERAJAAN NEGERI JOHOR DI ZON SELATAN.

Penulis : Rudza Hanim Mohamed Anuar dan Dr. Noreen Noor Aziz



Pada 9 Julai 2023, UiTM Cawangan Johor dengan kerjasama Kelab GERMAJ (Gerakan Mahasiswa Anak-Anak Johor UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat) telah terpilih menjadi tuan rumah bagi Program Jelajah Malaysia Peringkat Zon Selatan sempena ulangtahun penubuhan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) yang ke 40. Pelaksanaan program ini melibatkan dua sesi. Sesi dimulakan dengan program di sebelah petang, para delegasi YPJ telah dibawa melawat beberapa fasiliti yang telah disediakan untuk kemudahan pelajar iaitu lawatan ke Pusat Inkubator SPA dan Sauna dan Food Cart UiTMCJ (merupakan salah satu inisiatif oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) bagi menyediakan food bank kepada pelajar).

Manakala di sebelah malam pula bertempat di Hotel VIP Segamat, telah diadakan forum dan jamuan makan malam yang dirasmikan oleh Pengurus Besar Yayasan Pelajaran Johor, Tuan Haji Zulkifly bin Haji Mohd Tahir. Turut hadir bersama adalah Barisan Pengurusan Tertinggi UiTM Cawangan Johor (JKEN), penasihat penasihat persatuan serta Persatuan Anak Johor dari Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA dan IPTS) di Zon Selatan seperti Gerakan Mahasiswa Anak Johor (GERMAJ, UiTMCJ), Persatuan Siswa Johor (PERSIJ, UTEM), Mahasiswa Anak Jati Johor (MAHAJJ, UTHM), Sekretariat Anak Johor Darul Takzim (SEJATI, UTM), Sekretariat Mahasiswa Johor (SMJ, KYPJ) dan Johor Student Association (JOHSA, UNIMEL). Semoga program ini dapat menjalinkan hubungan dan kerjasama yang baik antara YPJ dan semua persatuan anak negeri Johor di seluruh Malaysia.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

SAHUR RAHMAH NR 2023.

Penulis: Norzarina Johari dan Ahmad Khudzairi Khalid

Program ini diadakan bersempena dengan bulan Ramadhan dengan tujuan berkongsi rezeki dan meringankan beban para pelajar Non Residen (NR) UiTM Cawangan Johor. Program ini telah diadakan pada 7 dan 8 April 2023. Pada 7 April, Apartment Seri Mutiara dan Apartment Vista dipilih untuk agihan makanan kepada para pelajar NR manakala pada 8 April, Apartment Summer Park pula menjadi tempat agihan makanan. Sebanyak 100 bungkus makanan diperuntukkan untuk setiap lokasi yang dipilih. Pemilihan tiga (3) apartment tersebut disebabkan oleh kebanyakkan pelajar NR menyewa di situ.

Agihan makanan bermula pada jam 12 tengah malam dan berakhir pada jam 2 pagi. Encik Syamaiza Ibrahim, Penolong Pengurus Asrama Kanan, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah bersama-sama Jawatankuasa Perwakilan Non Residen (JPNR) dan Staf Resident Non Resident (SRNR) untuk mengagihkan makanan kepada para pelajar di Apartment Seri Mutiara. Sambutan yang diberikan oleh para pelajar NR amat menggalakkan.

Antara matlamat program ini adalah memperkenalkan ahli JPNR yang baru di samping mengeratkan silaturahim antara para pelajar NR. Selain mengagihkan makanan JPNR, SRNR dan para pelajar NR dapat saling bertanya khabar dan mengetahui permasalahan para pelajar NR.



LAWATAN MUHIBBAH SRNR DAN UPK KE RUMAH PELAJAR-PELAJAR NR.

Penulis: Norzarina Johari dan Ahmad Khudzairi Khalid

Lawatan Muhibbah ini di adakan bagi meninjau kehidupan para pelajar Non Resident (NR) UiTM Cawangan Johor (UITMCJ), Kampus Pasir Gudang selain memastikan kediaman para pelajar NR dalam keadaan dan suasana yang sihat serta selamat. Lawatan ini disertai oleh dua (2) pegawai Staf Resident Non Resident (SRNR), Encik Syamaiza Ibrahim, Penolong Pengurus Asrama Kanan, UITMCJ, Kampus Pasir Gudang serta seorang kakitangan Pejabat Unit Pengurusan Kolej.

Lawatan muhibbah ini telah diadakan sebanyak dua (2) kali. Lawatan pertama diadakan pada 16 Julai 2023 di Apartment Vista. Sebanyak tiga buah rumah pelajar telah dipilih secara rawak. Lawatan yang kedua diadakan pada 17 Julai 2023 di Summer Park Townhouse. Tiga (3) buah rumah pelajar juga telah dipilih secara rawak. Selain membuat lawatan, para pelajar turut diberi cenderahati berupa "goodies bag" yang mengandungi barang makanan. Semoga dengan sumbangan "goodies bag" ini dapat mengurangkan beban kehidupan pelajar.

Melalui lawatan ini pihak Unit Pengurusan Kolej (UPK) dan SRNR mendapati ada antara pelajar telah dianaya oleh pihak agen rumah. Pihak kami menasihati pelajar agar dapat merujuk kepada kami untuk sebarang nasihat. Selain itu, kami dapat terdapat ramai pelajar NR yang tidak mendaftar dengan pihak UPKNR dan tiada pemakluman sekiranya mereka berpindah. Perkara ini akan diperbincangkan dengan pihak atasan supaya terdapat saluran untuk membantu para pelajar NR mendaftar dengan pihak UPK.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PEERS GLOBAL OUTREACH PROGRAM.

Penulis: Wan Noradila Wan Mohd Zain

Pada 10 hingga 14 Mac 2023, Badan PEER Kaunselor atau singkatannya PEERS UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menjalankan program kolaborasi PEERS Global Outreach Program bersama PEERS UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat bertempat di Kampus Segamat. Program ini melibatkan penyertaan mahasiswa PEERs bagi kedua-dua kampus seramai 35 orang dan telah dirasmikan oleh Yang Berusaha, Dr. Basaruddin Shah Basri (Timbalan Rektor, HEP). Program ini menjadi platform perkongsian idea, amalan terbaik, serta perbincangan strategik sistem pengurusan program ke arah program yang lebih efisien dan komprehensif. Program ini juga membentuk mahasiswa menjadi pembimbing rakan sebaya yang lebih efektif, suka menolong dan lebih berdaya saing. Pelaksanaan program ini juga meningkatkan kemahiran insaniah (*soft skills*), kemahiran kepimpinan (*leadership skills*) dan memberi nilai tambah (*value added*) bagi meningkatkan kualiti seseorang siswazah dari sesbuah universiti. Malah, program seumpama ini menjadi platform dalam membina ketahanan fizikal dan kemantapan mental serta melengkapkan diri dengan sifat-sifat tabah, berani dan sabar, berdisiplin, berdikari dan bertanggungjawab serta dapat menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan penghidupan dalam diri mahasiswa. Semoga penganjuran program ini mampu impak positif kepada mahasiswa dan juga universiti.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM CAREER ROUNDTABLE: LIFE AFTER GRADUATION

Penulis: Rajwani Ismail



Pada 6 Julai 2023, Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat dan Pasir Gudang telah mengadakan satu program kerjaya bersama majikan bagi pelajar UiTMCJ kedua-dua kampus. Program ini dijalankan secara dalam talian pada jam 8.30 malam sehingga jam 10.30 malam dan seramai 32 orang pelajar telah mengikuti sesi ceramah ini. Objektif utama program ini adalah meningkatkan pengetahuan pelajar tentang perkembangan dan perubahan-perubahan terkini, keperluan dan tuntutan para majikan atau organisasi terhadap para graduan selain memberi peluang kepada pelajar untuk mempersiapkan diri memasuki alam pekerjaan.

Dua (2) orang majikan telah dijemput sebagai panel program ini iaitu En. Roslan bin Yaakub yang merupakan konsultan bebas dan juga En. Mohd Sakeri bin Mohd Yunus yang merupakan Pengarah Syarikat ANHU Solution Sdn. Bhd. Dapatan maklum balas menyatakan bahawa seratus peratus (100%) peserta bersetuju program ini membantu meningkatkan kebolehpasaran mereka sebagai graduan UiTM dan secara keseluruhannya, semua peserta berpuas hati dengan program bimbingan kerjaya yang dianjurkan ini. Program ini telah berjalan dengan lancar dan diharap dapat memberi nilai tambah kepada pelajar apabila melangkah ke dunia pekerjaan kelak.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KONVENSYEN DAN TOWNHALL JAWATANKUASA PERWAKILAN NON RESIDEN UiTM SE-MALAYSIA.

Penulis: Norzarina Johari dan Ahmad Khudzairi Khalid

Pada 11 hingga 14 September 2023 telah diadakan Konvensyen dan Townhall JPNR UiTM Se-Malaysia anjuran Unit Pengurusan Non Resident UiTM Shah Alam. Konvensyen ini telah berlangsung dengan jayanya di UiTM Shah Alam. UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah menghantar 5 orang wakil Jawatankuasa Perwakilan Non Resident (JPNR) untuk turut serta dalam konvensyen tersebut.

Antara objektif konvensyen ini adalah merapatkan hubungan silaturahim antara semua JPNR seluruh Malaysia daripada pelbagai cawangan serta mewujudkan jalinan ukhuwah. Selain itu, konvensyen ini turut menjadi tempat berkongsi pendapat dan idea antara JPNR dalam pembangunan pelajar non residen dari segi kepemimpinan dan kesahsianan. Konvensyen ini membincangkan pelaksanaan program atau aktiviti JPNR yang memenuhi penilaian prestasi 'Key Performance Indicator' (KPI) universiti seperti yang diminta oleh pihak pengurusan UiTM.



Encik Ahmad Rizal bin Adnan, Timbalan Ketua Pengarah, Pendidikan Tinggi Penyelidikan & Antarabangsa telah sudi merasmikan Konvensyen dan Townhall JPNR Se-Malaysia. Manakala Encik Hirman bin Awang, Pengarah Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi dan Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar telah meluangkan masa untuk memberi ucaptama dalam konvensyen ini. Majlis penutup telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM. Diharapkan agar konvensyen ini dapat memberi manfaat kepada semua wakil JPNR dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan baik.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MODUL KEPIMPINAN DINAMIK: PEMERKASAAN NILAI ESI-iDART.

Penulis: Suhaila Osman
dan Irwan Ismail



Modul Kepimpinan Dinamik:

Pemerkasaan Nilai ESI-iDART telah diadakan pada 13 hingga 15 September 2023 yang bertempat di Pasir Lanun Camp & Chalet Endau, Johor. Program 3 hari 2 malam ini telah dianjurkan oleh Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Johor. Seramai 43 orang pelajar dalam kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan diiringi oleh tiga (3) orang fasilitator iaitu Encik Irwan bin Ismail selaku Ketua Unit Kepimpinan Pelajar, Puan Suhaila binti Osman dan Encik Ts Hazriel Faizal bin Pahroraji turut terlibat dalam modul ini. Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Yang Berusaha, Dr Basaruddin Shah bin Basri, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dalam upacara majlis perasmian penutup.

Objektif program ini diadakan adalah bagi melahirkan modal insan penggerak perjuangan yang berjiwa kental serta berkebolehan memimpin, membangunkan potensi kepimpinan dalam kalangan pemimpin pelajar, membentuk pemimpin yang mempunyai teras nilai-nilai ESI-iDART serta menyediakan platform saluran semangat dan inspirasi dalam kalangan pemimpin pelajar untuk menjadi penyumbang kemajuan masa depan. Diharapkan lebih banyak lagi program seumpama ini dianjurkan pada masa akan datang bagi memupuk dan menyemai semangat kepimpinan dalam kalangan pelajar.



Kejohanan Futsalista JPNR telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Jun dan Julai 2023 di Futsal Arena Alam, Bandar Seri Alam. Program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Non Residen (JPNR) telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari pelajar pelajar non residen dan turut disertai oleh kakitangan UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

Sebanyak 30 kumpulan yang terdiri daripada 8 orang peserta bagi setiap kumpulan telah menyertai kejohanan ini. Kejohanan Futsalista JPNR berlangsung selama 2 hari bagi setiap kejohanan. Kejohanan pertama diadakan pada 8 dan 15 Jun 2023 manakala kejohanan yang kedua diadakan pada 6 dan 7 Julai 2023. Program ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang aktif bukan sahaja dalam bidang akademik malah juga dalam bidang kokurikulum. Melalui program ini juga, usaha dan daya saing yang sihat dalam diri mahasiswa dapat diwujudkan. Selain itu, semangat kesukanan dan kerjasama berpasukan dapat dilihat dari setiap peserta. Penolong Pegawai Asrama Kanan, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Encik Syamaiza Ibrahim telah hadir untuk bersama-sama pelajar dan menyampaikan hadiah

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KEJOHANAN FUTSALISTA JPNR.

Penulis: Norzarina Johari dan Ahmad Khudzairi Khalid.

IFTAR BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DI RUMAH HALO PRIHATIN.

Penulis: Norzarina Johari dan Ahmad Khudzairi Khalid


Program Iftar Bersama Anak-Anak Yatim ini adalah satu program khidmat masyarakat anjuran Jawatankuasa Perwakilan Non Resident (JPNR). Program ini telah diadakan pada 7 April 2023 bersempena dengan kedatangan bulan Ramadhan. Seramai 25 orang JPNR dan Staf Resident Non Resident (SRNR) telah turut serta dalam program ini. Rumah Halo Prihatin yang didiami oleh 14 orang anak yatim lelaki bersama dengan 2 orang pemilik rumah tersebut telah dipilih untuk menjayakan program ini.

Program ini bertujuan untuk memupuk rasa ihsan dan prihatin para mahasiswa terhadap persekitaran mereka. Selain itu, program ini juga melatih para mahasiswa untuk berhadapan dengan dunia luar. Dimulakan dengan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kawasan Rumah Halo Prihatin dan seterusnya disusuli dengan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan membuat kad raya bersama-sama dengan anak-anak yatim.

Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Encik Ahmad Saufi Ahmad Jawahir, Penolong Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Encik Syamaiza Ibrahim, Penolong Pengurus Asrama Kanan, UiTM Cawangan Johor, Kampung Pasir Gudang. Saat azan maghrib dilaungkan, majlis iftar bermula dan disusuli dengan solat maghrib berjemaah. Program ini diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah dan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim serta cenderamata kepada pemilik Rumah Halo Prihatin. Kegembiraan jelas terpancar di wajah anak-anak yatim tersebut dengan kehadiran kami. Semoga anak-anak yatim ini sentiasa dipermudahkan urusan mereka di dunia dan di akhirat.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



BPJIA

BAHAGIAN
PENYELIDIKAN JARINGAN
INDUSTRI & ALUMNI

2023



Program penyerahan dan pemasangan penapis berasaskan bahan gentian kekabu yang diberikan nama TAPIS telah dilaksanakan pada 29 Mei 2023 di Nexsol Malaysia Sdn. Bhd. Tanjung Langsat, Pasir Gudang. Program ini melibatkan enam (6) orang penyelidik, diketuai oleh Ts. Dr. Mohammad Abdullah dan lima (5) orang ahli yang lain Ts. Ir. Dr. Ab Aziz Mohd Yusof, Dr Nurfarhana Mohd Yusof, Ts. Mohd Zulkhairi Mat Salleh, Encik Ahmad Khudzairi Khalid dan Puan Nurul Hazwani Hanib dari UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

Lebih kurang 20 unit penapis telah dipasang di kawasan saliran pelepasan air sisa air terawat dari industri biodiesel. Pemasangan penapis ini mengambil masa kira-kira 1 jam setengah dengan dipantau oleh pegawai industri iaitu Encik Mohamad Rusydi Azim Mohamad Sattar selaku *Environment Safety Health Executive*, Encik Muhammad Anwar Bin Sa'adon dan Puan Vivianna Maria A/P Mickel selaku *Environmental Executive*.

Projek ini adalah tajaan sepenuhnya oleh pihak industri Nexsol Malaysia Sdn Bhd yang bernilai RM10,000.00. Tujuan pemasangan penapis ini adalah bagi menapis sisa biodiesel yang dihasilkan oleh pihak industri sebelum dilepaskan ke saliran longkang utama yang akan mengalir ke sungai berhampiran. Kebaikan penapis ini adalah bahan penjerap yang digunakan merupakan bahan semulajadi yang sangat mesra alam, boleh diperbaharui dan sisa bahan penjerap ini boleh digunakan kembali sebagai bahan bakar industri. Sebagai contoh bahan ini boleh digunakan untuk pemanasan dandang (*boiler*). Selain itu, bahan penapis ini boleh menggantikan bahan yang berasaskan sumber petroleum yang mana harganya lebih tinggi dan lebih mudah terdedah kepada pencemaran alam sekitar.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

PROGRAM PENYERAHAN DAN PEMASANGAN PENAPIS BERASASKAN KEKABU (TAPIS) KEPADA PIHAK INDUSTRI NEXSOL MALAYSIA SDN BHD

Penulis: Ts. Dr. Mohammad Abdullah

ALUMNI PRIHATIN, KEPRIHATINAN ALUMNI TERHADAP MAHASISWA

Penulis: Diana' Mazan



Gambar 1:
Alumni dan pelajar asnaf

Alumni Prihatin merupakan sebuah program yang dirangka oleh Unit Alumni bersama-sama Persatuan Alumni sebagai wadah menyampaikan sumbangan dan keprihatinan alumni-alumni UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) terhadap mahasiswa-mahasiswi semasa di UiTMCJ. Program ini diadakan setiap tahun bagi menyantuni pelajar-pelajar asnaf UiTMCJ. Pada tahun 2022, satu lagi program telah berjaya diadakan iaitu Program Alumni Prihatin 2022: Kelangsungan Mahasiswa Keutamaan Alumni dan melalui program ini sumbangan zakat telah diberikan kepada pelajar-pelajar asnaf. Program ini telah membentuk jalinan positif antara alumni, pelajar dan universiti. Program ini dirasmikan oleh Yang Berusaha Dr Basaruddin Shah Basri, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan turut bersama-sama hadir adalah Pengurusan Tertinggi UiTMCJ, Presiden Persatuan Alumni dan Koordinator Zakat. Sumbangan diserahkan kepada 20 orang pelajar asnaf dalam bentuk kewangan dan senaskah hadith bagi setiap pelajar. Jumlah sumbangan kewangan terkumpul adalah sebanyak RM7,000.00. Selain itu, alumni turut menaja jamuan makan untuk peserta program seramai 60 orang. Program ini memberi impak yang besar terhadap kewibawaan alumni di mata universiti.



Gambar 2: Simbolik Penyerahan Anak Angkat



Gambar 3: Bersama Tn Hj Norshaidi Yusof,
Prof. Madya Dr Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor,
Pn Diana Mazan, Koordinator Unit Alumni,
Ustazah Mahasin Sajat@Meoraj, Koordinator Unit Zakat,
dan sebahagian anak angkat.

Bagi tahun 2023, program tahunan ini diteruskan lagi dengan penganjuran Alumni Prihatin 2023: Anak Angkat Alumni pada 7 Mei 2023. Seramai enam (6) orang anak angkat telah diserahkan kepada Tuan Hj Norshaidi bin Yusof di Ledang Inn, UiTM Cawangan Johor. Tuan Hj Norshaidi menanggung wang saku bulanan sebanyak RM200.00 seorang setiap bulan sehingga tamat pengajian. Program penyerahan anak angkat ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr Saunah Zainon, Rektor, UiTM Cawangan Johor. Majlis dihadiri oleh tetamu kehormat, En. Mohd Luthfi Mohaini, Ketua Unit Alumni UiTM mewakili Pengarah Unit Alumni UiTM dan Puan Nur Syuhada Muhammad, Unit Data Alumni UiTM. Program penyerahan ini juga disaksikan oleh Barisan Pengurusan Tertinggi UiTMCJ, Datuk Hj Mohd Asri Ahmad, Duta Alumni UiTMCJ, Tuan Haji Roslan Hussein, Presiden Persatuan Alumni UiTMCJ, para alumni dan Ahli Jawatankuasa Unit Alumni, UiTMCJ. Semoga usaha-usaha sebegini mampu membantu para pelajar meneruskan kelangsungan hidup di kampus.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI SOCIOPRENEUR INDONESIA

Penulis: Muhammad Majid



Kunjungan Hormat Delegasi Sociopreneur Indonesia pada 7 Jun 2023 telah disambut oleh Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor, UiTM Cawangan Johor, Dr. Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor Penyelidikan & Jaringan Industri (TREK PJIA), Barisan Pengurusan Kanan (JKEN), UiTM Cawangan Johor, Koordinator Jaringan Industri & Komuniti dan staf Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni (BPJI&A), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ).

Delegasi Sociopreneur Indonesia (SI) terdiri daripada Dr. Dassy Aliandrina, Pengarah Eksekutif SI, Encik Heru Wijayanto, Pengurus Operasi, Cik Clarissa Amadhea, Co-Lead SIDPub & Cik Yundi Christie Nandani, Co-Lead SIDEd. Sempena kunjungan hormat delegasi tersebut, UiTMCJ berkesempatan menganjurkan *Social Innovation Seminar – Sociopreneur Indonesia* dengan menjemput Pengarah Eksekutif SI dan Pengurus Operasi SI sebagai penceramah dalam seminar tersebut. Delegasi turut berkongsi best practices bersama 25 ketua projek komuniti di UiTM Cawangan Johor. Kedua-dua pihak turut berkongsi maklumat berkaitan perkembangan pengajaran, pembangunan pelajar, inovasi sosial dan penyelidikan berkaitan komuniti.

Jalinan kerjasama antara UiTM dan SI diperkuuhkan lagi dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 8 Jun 2023 bertempat di Perpustakaan Tun Dr. Ismail 1, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. MoU ini ditandatangani oleh Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor dan Dr. Faridah Najuna Misman, TREK PJI. Pihak SI pula diwakili oleh Dr. Dassy Aliandrina, Pengarah Eksekutif dan Encik Heru Wijayanto, Pengurus Operasi. Turut hadir menyaksikan acara bersejarah ini adalah JKEN, UiTMCJ, Ketua Bahagian dan Koordinator BPJI&A.

Sehingga Mei 2023, SI telah bekerjasama dengan lebih 34,492 pelajar, 2,344 sukarelawan dan 2104 pemegang taruh. UiTM Cawangan Johor merupakan organisasi pertama di Malaysia yang mempunyai memorandum persefahaman (MoU) bersama Sociopreneur Indonesia. Kerjasama ini dijangka dapat memberikan impak yang signifikan kepada semua pihak terutamanya dalam projek berkaitan inovasi sosial global.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) MENGERATKAN HUBUNGAN UiTM DAN INDUSTRI

Penulis: Muhammad Majid

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan *Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad* (SME Bank) telah diadakan pada 29 Mac 2023 di Menara SME Bank, Kuala Lumpur. MoU ini telah ditandatangani oleh Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN) dan Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor. Pihak SME Bank pula diwakili oleh Datuk Wira Aria Putera Ismail, Presiden Kumpulan/CEO SME Bank dan Datuk Dr. Muhammad Hardee Ibrahim, Ketua Pegawai Strategi Korporat Kumpulan.

Turut bersama-sama hadir dalam majlis tersebut adalah Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang, Penolong Naib Canselor Keusahawanan MASMED, Pegawai-pegawai dari Pejabat Timbalan Naib Canselor ICAN & MASMED UiTM dan Pengurusan Kanan SME Bank Berhad. UiTM Cawangan Johor pula diwakili oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Dalam majlis ini juga, Datuk Wira Aria Putera Ismail telah dilantik sebagai Duta Alumni, UiTM Cawangan Johor.

Jalinan kerjasama diteruskan dengan menandatangani MoU bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) pada 3 Julai 2023. MoU ini telah ditandatangani oleh Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor dan Prof. Madya. Dr. Akmal Aini Othman, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik. Pihak JHEAINS pula diwakili oleh Dato' Mohd Zaidi Ramli, Pengarah JHEAINS dan Encik Mohd Fitri Muhammed, Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Strategik).

Turut bersama-sama hadir dalam majlis tersebut adalah Dr. Basaruddin Shah Basri, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Dr. Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor Penyelidikan & Jaringan Industri, En. Mohammed Affendy Mansor, Timbalan Bendahari, Dr. Nor Hazila Ismail, Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Pegawai-Pegawai Kanan JHEAINS, Pn. Jaslin Md Dahlan, Koordinator Program BA252, Datin Aryani Abdullah, Koordinator Unit Komunikasi Korporat, Dr. Muhammad Majid, Koordinator ICAN, Dr. Norshahniza Sahari, Ketua Projek MoU - JHEAINS, Ketua Unit Hal Ehwal Islam, dan Koordinator Unit Zakat, Sedekah & Wakaf. Jalinan kerjasama ini bakal mengeratkan hubungan dua hala meliputi kerjasama akademik, alumni, keusahawanan, perkongsian kepakaran dan pemindahan ilmu.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini
adalah daripada penulis.

MENYANTUNI PERTUBUHAN KEBAJIKAN PDK SAYANGKU TAMAN YAYASAN

Penulis: Muhammad Majid dan
Jannah Munirah Mohd Noor

Kunjungan Hormat Pusat Jaringan Komuniti (CNC), Pejabat Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN), UiTM ke UiTM Cawangan Johor telah diadakan pada 25 Mei 2023. Rombongan CNC diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mahadir Ladisma, Pengarah CNC, Prof. Madya Dr. Sukreen Hana Herman, Ketua Pusat CNC dan Puan Noorazean Kamaruddin, Penolong Pendaftar CNC. Bersempena dengan kehadiran rombongan dari CNC ini, UiTM Cawangan Johor telah mengambil peluang untuk menganjurkan Bengkel Projek Komuniti Berimpak buat warga kampus. Seusai bengkel tersebut, rombongan CNC bersama-sama ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), UiTM Cawangan Johor telah melawat Pertubuhan Kebajikan PDK Sayangku, Taman Yayasan yang juga merupakan salah satu rakan strategik dalam penghasilan projek berimpak di UiTM Cawangan Johor. Turut hadir adalah Pengerusi PDK Sayangku Taman Yayasan, Datin Amrlia Marjan dan Puan Zainon wakil dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Segamat.

Sesi dimulakan dengan penyerahan Sijil Profesional Kursus Pengurusan Spa dan Sauna kepada 20 peserta dalam kalangan komuniti kelainan upaya dan lima (5) tenaga pengajar di PDK Sayangku Taman Yayasan. Seterusnya para jemputan diberikan demonstrasi urutan secara percuma oleh Ahli Terapi Refleksologi yang terdiri dari komuniti kelainan upaya dengan menggunakan teknik Aponia Massage iaitu inovasi terbaru bagi urutan badan.

Sebahagian ahli komuniti kelainan upaya ini akan diberikan peluang pekerjaan di Pusat Inkubator Spa dan Sauna (PIKSS), UiTM Cawangan Johor di bawah bimbingan Puan Jannah Munirah Mohd Noor selaku penyelaras dan akan dibantu oleh 20 orang pelajar UiTM Cawangan Johor selaku mentor kepada komuniti ini. Projek komuniti bersama golongan istimewa ini telah dijalankan sejak 2013 dan berjaya memperoleh pelbagai anugerah, geran dan dana mencecah hampir RM150,000.00.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KUNJUNGAN BALAS SYNTHOMER SDN. BHD.

Penulis : Muhammad Imran Ismail dan Mohammad Abdullah

Pada 21 Mac 2023, pihak Synthomer Sdn. Bhd. telah membuat kunjungan balas ke UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang. Ini adalah rentetan kunjungan delegasi UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang ke Synthomer NBR PG Plant, Pasir Gudang pada 1 Mac 2023 yang lalu sempena Program Manufacturing Excellence Week (MANEX). Kunjungan ini telah disambut oleh Dr. Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri), Dr. Haryana Hairi, Penolong Rektor UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang, wakil-wakil fakulti, koordinator dan penyelaras Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni (BPJIA) di Bilik Mesyuarat Utama (BMU). Pihak Synthomer yang hadir adalah Encik Nur Amin Hisham Abu, Site Manager, Encik Mat Yunus Jumat, Plant Manager-Kluang Polymer, Encik Hairudin Abu Hassan, Operational Excellence Manager, Encik Amru Daud, SHE Manager, Chm. Dr. Cassy Chong, Quality Assurance Quality Control Manager dan Encik Muzaparshah Mustaffa, Maintenance Manager.

Perkara utama yang dibincangkan adalah mengenai titik pertemuan peluang untuk kedua-dua pihak dapat bekerjasama pada masa hadapan. Antara kandungan perbincangan adalah mengenai latihan industri para pelajar atau pensyarah, bidang penyelidikan yang dapat dijalankan bersama dan isu-isu permasalahan di Synthomer Sdn. Bhd. yang dapat dijadikan sebagai kajian kes. Di samping itu, turut dibincangkan adalah jemputan staf Synthomer Sdn. Bhd. sebagai panel industri kursus UiTM atau penceramah profesional. Pihak UiTM juga menyatakan bahawa kursus pendek untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi para staf Synthomer Sdn. Bhd. dapat dirangka bersama selain program tanggungjawab sosial komuniti. Setelah tamat sesi perbincangan, delegasi dari Synthomer Sdn. Bhd. dibawa melawat ke Chemical Engineering Pilot Plant dan Lab Control di Kolej Pengajian Kejuruteraan Kimia dan Makmal Sains Bahan 1 dan Makmal Sains Bahan 2 di Kolej Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Kunjungan balas ini dijangka dapat menghasilkan jaringan kerjasama yang bermanfaat antara kedua-dua pihak.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

LAWATAN RASMI TIMBALAN NAIB CANSELOR, JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI (ICAN) UiTM KE UiTM CAWANGAN JOHOR.

Penulis: Norshahnadz Mohamed Ghulam

Pada 16 Ogos 2023, Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor (TNC), Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM telah mengadakan lawatan rasmi ke UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Turut bersama-sama beliau dalam lawatan rasmi ini adalah Prof. Dr. Muhammad Hussain Ismail, Pengarah Pusat Jaringan Industri (INC) dan Puan Nur Syuhada Muhammad, Ketua Unit Data Alumni, UiTM (ANC). Objektif lawatan ini adalah bagi menjalankan kerjasama, bertukar pendapat bagi menambah baik projek-projek berimpak dan menerangkan hala tuju ICAN khususnya.



Lawatan rasmi TNC, ICAN dimulakan dengan sesi perkongsian yang bertajuk "ICAN Dalam Melebar Luas Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni Sejarah Dengan Hasrat dan Matlamat Pelan Strategik UiTM 2025" bersama para pensyarah UiTMCJ. Seramai 259 orang peserta telah menyertai sesi perkongsian tersebut yang telah diadakan di DK2, Blok Karyawan. Sesi perkongsian ini turut disertai oleh Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor, UiTM Cawangan Johor, Dr. Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI), Dr. Muhammad Majid, Koordinator ICAN dan koordinator-koordinator serta penyelaras dari Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni.

Agenda lawatan rasmi TNC, ICAN diteruskan pada sesi petang dengan lawatan ke Pusat Inkubator Spa & Sauna (PIKSS). Istimewanya pelatih-pelatih yang terlibat dalam sesi lawatan ini terdiri daripada golongan kelainan upaya dari Pertubuhan Kebajikan PPK Sayangku, Taman Yayasan. Delegasi TNC, ICAN telah disambut oleh Puan Jannah Munirah Mohd Noor, Penyelaras PIKSS bersama pelatih-pelatihnya. Sesi lawatan rasmi ini diakhiri dengan lawatan ke CGS-CIMB Trading Room, UiTM Cawangan Johor yang merupakan projek kolaborasi berimpak antara UiTM dan CGS-CIMB dan telah disambut oleh Encik Syamsyul Samsudin dan ahli jawatankuasa Trading Room. Semoga lawatan TNC, ICAN ini memberikan impak yang positif dan mampu melonjak prestasi UiTM Cawangan Johor dengan lebih cemerlang.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



BAHAGIAN
PENTADBIRAN

2023

PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN, UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis: Nurulintan Shyazwaney Binti Razali

Bahagian Pentadbiran telah mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat pada 10 Julai 2023 (Isnin) bermula pada 9:00 pagi sehingga 4:30 petang bertempat di Speaker's Corner, Bangunan Sri Bendahara, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Program ini melibatkan semua bahagian di UiTMCJ. Tujuan Program "Hari Bertemu Pelanggan" ini diadakan untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada staf dan pelajar berkaitan dengan perkhidmatan, proses kerja serta aktiviti-aktiviti yang terlibat di setiap bahagian/unit/jabatan. Program ini juga dapat memberi ruang kepada staf dan pelajar bagi mendapatkan sebarang penjelasan mengenai apa-apa persoalan. Staf dan pelajar juga boleh mengemukakan cadangan atau permohonan secara terus kepada bahagian/unit/jabatan yang terlibat.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM PENGKISAHAN SEJARAH UiTM CAWANGAN JOHOR DAN PENGKISAHAN SEJARAH KEMERDEKAAN.

Penulis: Nurulintan Shyazwaney Razali



Program Pengkisahan Sejarah, UiTM Cawangan Johor dan Pengkisahan Sejarah Kemerdekaan telah dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran pada 7 September 2023 (Khamis) bertempat di Dewan Karyawan 1 (DK 1), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat dengan tajuk 'Jati Diri Dalam Kalangan Warga UiTM Cawangan Johor'. Program ini diadakan bertujuan untuk mengimbas memori pembukaan UiTMCJ dan pengkisahan sejarahnya perlulah diketahui oleh semua warga kampus bagi memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga kampus. Selain itu, program ini juga mampu meningkatkan jati diri warganya, melahirkan warga yang celik sejarah, serta mempunyai semangat yang teguh cintakan UiTM.

Ceramah telah disampaikan oleh YBhg. Prof Dato' Dr. Kassim Thukiman, Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor, Hj Ismail Shari, pesara yang merupakan Mantan Timbalan Pengarah (Akademik) UiTM Cawangan Johor, Hj Mohd Yassin, Mantan Pegawai Sukan ITM Cawangan Johor dan Encik Said Dis, Pesara UiTM Cawangan Johor. Melalui penganjuran program ini diharapkan setiap titik peluh pengorbanan warga terdahulu dalam membina jenama UiTM terus dihargai. Semoga UiTM terus maju dan berada dalam landasan yang betul bagi melahirkan generasi bijak pandai pemangkin kemajuan negara kita tercinta, Malaysia.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MAJLIS INDAHNYA RAYA @ UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Razali

Majlis Indahnya Raya @ UiTM Cawangan Johor telah dianjurkan pada 15 Jun 2023 (Isnin) bertempat di Parkir Rasmi, Unit Kenderaan, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Pada hari ini, semua warga bergembira untuk bersama-sama meraikan sambutan aidilfitri, mengeratkan silaturahim, membuang segala kesilapan lalu dan saat untuk merapatkan kembali hubungan sesama kita. Minda kita juga akan lebih terbuka, positif dan rasional untuk mewujudkan semangat setia kawan yang lebih kukuh.

Majlis ini merupakan aktiviti tahunan yang diadakan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama semua warga UiTM Cawangan Johor dan komuniti sekitarnya. Program Hari Raya Peringkat UiTM Cawangan Johor ini turut menjemput ketua-ketua jabatan di Daerah Segamat, agensi-agensi, rakan strategik UiTMCJ dan staf yang telah atau akan bersara. Semua bahagian/unit/fakulti telah mengambil bahagian bagi menyediakan juadah bertemakan hari raya mengikut ketetapan yang telah diputuskan oleh pihak jawatankuasa induk dan perlu menghias gerai mengikut kreativiti masing-masing. Objektif program ini adalah bagi memastikan ukhwah terus terjalin antara staf dan para jemputan serta menambahkan lagi keriangan suasana hari raya.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

MAJLIS PENYERAHAN BAS BAHARU UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT (NO KENDEREAAN : UiTM 4083)

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Razali



Pada 12 Jun 2023 (Isnin) UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah menerima sebuah bas baharu dengan nombor pendaftaran UiTM 4083. Nombor pendaftaran ini merupakan simbolik kepada 40 tahun penubuhan UiTM Cawangan Johor iaitu pada tahun 1983. Bas ini dibina oleh syarikat pembekal badan Terus Maju Services Sdn Bhd dengan chassis dari jenama Volvo. Sesi penyerahan bas baharu ini telah disempurnakan melalui simbolik penyerahan kunci oleh Mr Loo Kiat Keong, Executive Director Terus Maju Services Sdn Bhd kepada YBhg. Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor melalui satu majlis ringkas yang telah diadakan di Lobi Sri Bendahara, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Dengan bertambahnya kemudahan bas baharu ini, diharapkan lebih banyak produktiviti dapat dihasilkan dan seterusnya memudahkan urusan kenderaan bagi membawa staf atau pelajar.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Kursus Penerapan Budaya Kerja Pemanduan Cemerlang, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) merupakan kursus yang telah dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran pada 22 Jun 2023 hingga 24 Jun 2023 (Khamis – Sabtu) bertempat di Hotel UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun. Kursus ini telah dihadiri oleh 12 orang pemandu Kampus Segamat dan 3 orang pemandu Kampus Pasir Gudang. Sepanjang kursus ini, terdapat 6 sesi yang telah dilaksanakan iaitu :

Sesi 1 : Budaya Kerja Cemerlang ESi-iDART disampaikan oleh Encik Mohamad Faizul bin Mohd Ruslan, Timbalan Pendaftar Kanan.

Sesi 2 : Kerja Adalah Satu Ibadah disampaikan oleh Ustaz Kamarudin bin Majid.

Sesi 3 : Protokol Pemanduan disampaikan oleh Encik Badrolhisham bin Abu Hassan.

Sesi 4 : Pemanduan Berhemah dan Etika Pemandu disampaikan oleh Encik Khairul Anuar bin Hj. A. Rahim, Ketua Timbalan Pendaftar PPII, UiTM Shah Alam.

Sesi 5 : Bersyukur Dengan Rezeki disampaikan oleh Ustaz Kamarudin bin Majid.

Sesi 6 : Mesra Pelanggan disampaikan oleh Encik Hussin bin Ab Mutalib, Pegawai Eksekutif Tertinggi.

Objektif kursus ini diadakan adalah bagi memupuk dan menerapkan budaya kerja pemanduan cemerlang dalam kalangan pemandu serta membentuk jati diri pemandu menjadi seorang penjawat awam yang berintegriti, bertanggungjawab serta amanah dalam tugas yang dilakukan di samping meningkatkan potensi diri.

KURSUS PENERAPAN BUDAYA KERJA PEMANDUAN CEMERLANG, UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Razali



BPF
BAHAGIAN
PENGURUSAN
FASILITI

2023

MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA PANDU LALU (DTRC – DRIVE THRU RECYCLING CENTRE) SEGAMAT, JOHOR.

Penulis: Mohd Syahril Anuar Mohd Alias

Pada 11 Jun 2023 (Ahad), staf Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) seramai 10 orang telah memenuhi jemputan oleh pihak SWCorp Negeri Johor ke Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Pandu Lalu (DTRC – Drive Thru Recycling Centre) Segamat. Perasmian DTRC tersebut yang terletak di Bangunan Astaka Bola Sepak, Jalan Li Chi, Kampung Abdullah, Segamat itu telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat (MPS), Ungku Mohd Tahir Ungku Mohd Zakaria. Turut hadir, Tuan Cairul Hisham Bin Jalaluddin, Pengarah SWCorp Negeri Johor, YBrs. Puan Hajah Rahana binti Mohamed, Ketua Whip MPS, Tuan Ishak bin Abu Bakar, Penghulu Mukim Segamat, Puan Jesie Lim, Ketua Masyarakat Kg Abdullah, ketua-ketua jabatan Daerah Segamat serta penduduk setempat.

DTRC Segamat merupakan fasiliti kedua yang diwujudkan di Negeri Johor bagi kemudahan masyarakat untuk menghantar barang kitar semula secara kaedah pandu lalu sebagai usaha memperkasakan pembudayaan amalan kitar semula dan pengasingan sisa dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti "Trash to Cash". DTRC ini menerima hampir 25 jenis barang boleh dikitar semula mengikut kategori antaranya seperti kertas, plastik, besi, kotak kad bod, tin aluminium serta minyak masak terpakai.



Antara pengisian pada majlis tersebut adalah perkongsian ilmu melalui sesi "Pocket Talk" melibatkan tiga agensi iaitu Pejabat Kesihatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan SWCorp. Selain itu, turut diadakan pertandingan pengumpulan barang kitar semula terberat, minyak masak terpakai terberat, serta fabrik terpakai terberat bagi menyuntik semangat masyarakat untuk mengamalkan kitar semula. Bahagian Pengurusan Fasiliti telah memenangi tempat pertama bagi pertandingan fabrik terpakai terberat. Semoga penubuhan DTRC Segamat ini dapat dimanfaatkan sebaiknya serta dapat menarik minat masyarakat untuk terus membudayakan amalan kitar semula dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan Kadar Kitar Semula Kebangsaan kepada 40% menjelang tahun 2025.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

WEBINAR RECYCLING PROGRAM FOR UNIVERSITY'S WASTE

Penulis: Siti Hasmah Ishak



Pada Isnin, 03 Julai 2023, Bahagian Pengurusan Fasiliti dengan kerjasama UiTM Green Centre (UGC) UiTM telah menganjurkan "Recycling Program for University's Waste" bertemakan "Trash to Cash" khusus untuk warga UiTM dan pihak luar. Program yang diadakan secara dalam talian menggunakan platform Cisco Webex ini secara ringkasnya ingin memberi kesedaran tentang kepentingan kitar semula dalam kalangan warga UiTM di samping menyokong dasar "Greenation UiTM" dengan semangat cintakan kebersihan. Selain itu, ia merupakan salah satu Projek Pelan Strategik bagi Tema Strategik 8: Smart Campus (AJK PI 107) anjuran Bahagian Pengurusan Fasiliti, UiTM Cawangan Johor disamping dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan kitar semula dalam kalangan warga bagi menyokong dasar Greenotion UiTM dengan semangat cintakan kebersihan sebagai satu tanggungjawab bersama.

Penceramah jemputan, Prof. Madya ChM. Dr. Sabiha Hanim binti Saleh dari Fakulti Sains Gunaan, UiTM telah memulakan sesi webinar dengan ceramah bertajuk "Sisa Buangan Kepada Bahan Bernilai" dan diikuti penceramah kedua, Puan Asmawati binti Che Hassan, Penyelaras UiTM Green Centre Cawangan Johor, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang dengan tajuk "Kesedaran & Cabaran Pengurangan Penghasilan Sisa". Program ini telah mendapat sambutan dan responden menggalakkan dengan kehadiran peserta seramai 601 orang iaitu lebih dari jumlah sasaran yang terdiri daripada staf dan pelajar UiTM, serta orang perseorangan.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN ANTARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) DAN MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT (MPS).

Penulis: Maznah Salamin

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Majlis Perbandaran Segamat (MPS) telah diadakan pada hari Rabu bersamaan 1 Mac 2023, bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Pejabat Majlis Perbandaran Segamat, Johor. Majlis yang diadakan pada jam 11.30 pagi itu dimulaikan dengan ucapan YM Ungku Mohd Tahir bin Ungku Mohd Zakaria, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat dan diikuti dengan ucapan oleh YBrs. Prof Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor.



Sesi menandatangani memorandum ini telah dilaksanakan oleh Yang Dipertua MPS dan Rektor UiTM Cawangan Johor dengan disaksikan oleh En. Muhammad Yusof bin Md Esa, Setiausaha MPS dan Ts. Ahmad Shahrizan bin Mohd Esman, Timbalan Pengarah Pengurusan Fasiliti, UiTM Cawangan Johor. Majlis ini turut dihadiri oleh delegasi dari UiTM yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Koordinator Komunikasi Korporat, Koordinator ICAN, Jurutera Kanan dan Pelukis Grafik. Manakala di pihak MPS, turut hadir adalah Barisan Ahli Majlis MPS, Ketua Jabatan dan Ketua Unit MPS.

Di harap dengan termetearinya MOU ini akan dapat mengukuhkan lagi persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua belah pihak, meningkatkan galakan persefahaman bersama dalam bidang akademik, kebudayaan dan pemikiran saintifik serta pertukaran kepakaran kakitangan. Semoga UiTM dan MPS akan saling bekerjasama dalam mempromosikan maklumat dan aktiviti organisasi di laman sesawang jabatan masing-masing demi untuk kepentingan bersama masyarakat, bangsa dan negara.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat UiTM / Laman Rasmi Facebook Majlis Perbandaran Segamat.



LAWATAN PENANDAARASAN JAWATANKUASA PI 105 (‘WATER CONSERVATION & IMPLEMENTATION’: SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN) BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI, UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT KE SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN) DAN INSTITUT PENYELIDIKAN AIR KEBANGSAAN (NAHRIM).

Penulis: Noorazila Yussof



Pada 24 Julai 2023 delegasi Jawatankuasa *Performance Index*, PI 105 telah membuat Lawatan Penandaarasan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM) bagi memenuhi pencapaian PI Universiti selaras dengan kehendak universiti dalam membawa Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2023.

Kunjungan seramai 11 orang ini ke pejabat SPAN Cyberjaya, Selangor dan disambut oleh Ts. Mohd Fazil Bin Ismail (Pengarah Unit Korporat dan Hal Ehwal Pengguna). Beliau telah menyampaikan taklimat berkaitan agensi SPAN manakala delegasi pula berkongsi mengenai penghasilan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) yang bakal dibina di kampus. Hasil dari taklimat tersebut banyak perkara berkaitan penjimatan dan penggunaan air secara berhemah dapat dipelajari. Dalam masa yang sama delegasi UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) juga berkongsi mengenai permasalahan bekalan air tidak terhasil (NRW) di universiti dan mendapatkan solusi serta penambahbaikan yang perlu bagi menangani masalah tersebut. Sepanjang berada di sana, delegasi telah dibawa melawat ke bahagian atau unit lain di SPAN bagi menerangkan serba sedikit kajian dan tugas-tugas yang dijalankan dalam menangani masalah bekalan air terawat/ bersih dan air kumbahan.

Seterusnya, Pihak SPAN telah membawa delegasi UiTMCJ ke NAHRIM di Bangi, Selangor dan disambut oleh Ir. Ts. Ahmad Hadi Mohamed Rashidi (Pegawai Penyelidik, Bahagian Perancangan Korporat) serta pegawai penyelidik yang lain. Delegasi kami seterusnya, telah diberi taklimat dan pengenalan berkaitan agensi NAHRIM dan turut dibawa ke makmal penyelidikan bagi melihat hasil kajian serta teknologi berkaitan air dan perubahan iklim. Pembentangan mengenai projek SPAH turut dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas serta pendapat mengenai keberhasilan projek tersebut daripada pihak NAHRIM. Maklum balas baik telah diterima dan pihak NAHRIM juga menunjukkan hasil kajian mereka serta berkongsi kepakaran mengenai susun atur berkaitan sistem tersebut. Ini merupakan pengalaman berharga buat UiTMCJ kerana mereka merupakan pelopor kepada keberhasilan sistem SPAH diproses menjadi air minuman dan dibotolkan.

Delegasi juga telah dibawa ke makmal dan bahagian sistem SPAH terbesar di Malaysia (Makmal Sistem Penuaian Air Hujan Terbesar Di Malaysia) yang telah dicatatkan dalam *Malaysia Book Of Record*. Keterujaan dapat dirasai oleh delegasi dan pada masa yang sama sekiranya sistem ini siap kelak di UiTMCJ, diharapkan pihak universiti mampu memanfaatkan sepenuhnya sekaligus mencapai objektif PI 105. Akhir kata, pentingnya kerjasama atau hubungan dua hala antara pihak UiTM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM) dalam mencapai keunggulan pendidikan hijau, kelestarian alam, dan pembangunan teknologi yang berterusan. Melalui kunjungan ini juga kedua-dua pihak dapat bertukar pengetahuan yang kreatif terutamanya dalam memastikan pelaksanaan projek-projek inovatif adalah selari dengan tema kelestarian kampus yang berdaya huni.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis dan Laman Rasmi Facebook: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara /Facebook: Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia

PROGRAM OSH DAY @ UiTM JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis : Maznah Salamin



Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) adalah salah satu jawatankuasa yang bertugas selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) 1994 (Akta 514) bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan warga kampus di UiTM Cawangan Johor. Pada 5 dan 6 Julai 2023, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) telah menganjurkan satu program iaitu OSH Day @ UiTM Johor bertempat di Perpustakaan Tun Dr Ismail 1, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat, JKKNP dengan kerjasama pelajar MGT340 telah berjaya menarik pengunjung seramai hampir 400 orang dari kalangan pelajar dan staf sepanjang dua hari program berlangsung.

Program ini diadakan sebagai salah satu aktiviti yang bertujuan untuk memperkenalkan kepada warga kampus mengenai kepentingan kesihatan dan keselamatan seseorang pekerja atau pelajar semasa berada di kampus. Selain itu, program ini juga menjadi salah satu cara mendekatkan jawatankuasa dengan warga kampus disamping memberi kesedaran kepada warga kampus agar lebih cakna terhadap keselamatan dan kesihatan sepanjang bekerja dan berada di kawasan kampus.

Program ini melibatkan pameran "booth" dari Pejabat Kesihatan, Daerah Segamat, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (*National Institute of Occupational Safety and Health; NIOSH*), pameran buku, saringan kesihatan, kempen derma darah dan *games@OSH Day*. Staf dan pelajar berpeluang melihat pameran, membuat saringan kesihatan secara percuma dan menderma darah pada hari tersebut. Selain itu, pada hari pertama telah diadakan ceramah keselamatan jalan raya yang telah disampaikan oleh En. Shahrul bin Sumadi, Penolong Pegawai Penguatkuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan, Malaysia dan ceramah keselamatan pekerjaan yang disampaikan oleh Ts. Suhaihisam bin Mohd Saufi dari Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UiTM Shah Alam.

Majlis perasmian OSH Day @ UiTM Johor telah diadakan pada hari kedua dengan dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan perasmianya telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Hilmi Rahmat @ Abd Rahman, Ketua Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UiTM. UiTM Cawangan Johor juga telah mengambil kesempatan merasmikan zon "reverse parking" pada majlis tersebut.

Dengan terlaksananya program OSH Day @ UiTM Johor ini, maka UiTMCJ telah mencapai "Key Performance Indicator" (KPI) yang telah diletakkan di bawah pencapaian Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (BKKP) serta telah menjadi kampus cawangan yang pertama menjayakan KPI ini. Diharap dengan adanya program seumpama ini dapat memberi galakan kepada semua warga kampus agar sentiasa mengamalkan budaya kerja selamat, mempraktikkan gaya hidup seimbang dan sihat serta menerapkan kesedaran untuk mematuhi keselamatan semasa bekerja.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



BAHAGIAN
INFOSTRUKTUR

2023



Bermula 22 Ogos sehingga 27 September 2023, Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah melaksanakan 8 siri program Bengkel Pengenalan Microsoft 365 dan Adobe CC. Bengkel ini diadakan dengan tujuan memberikan pendedahan dan pengenalan kepada peserta tentang kemudahan perisian yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada semua staf di Universiti Awam. Di akhir bengkel ini peserta akan dapat mengaplikasikan tools yang ada dalam perisian Microsoft 365 dan Adobe CC untuk meningkatkan kecekapan semasa menjalankan tugas. Penyertaan bengkel ini telah dibuka kepada semua staf UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat dengan sasaran 200 orang staf.

Seramai 150 orang staf telah mendaftar dan menghadiri bengkel ini dengan pecahan 36 orang dari kakitangan akademik, 5 orang staf pentadbiran, pengurusan dan profesional dan 25 orang staf kumpulan sokongan. Pengisian bengkel telah disampaikan oleh Encik Abdul Malik Rick dan Puan Mazlyda Abdul Rahman, kedua-dua pensyarah ini adalah pensyarah kanan dari Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik (KPPIM) UiTMCJ, Kampus Segamat.

Para peserta diberikan pendedahan tentang cara menggunakan Microsoft Office 365, Microsoft Form, Microsoft Teams, Microsoft Sway, Sharepoint dan Adobe Acrobat melalui Adobe CC. Diakhir bengkel, para peserta diminta untuk mengisi borang maklumbalas keberkesanan kursus dan e-sijil diberikan kepada para peserta sejurus program tamat. Rata-rata peserta sangat berpuas hati dengan penganjuran bengkel seperti ini dan berharap lanjutan bengkel ini dapat dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran staf.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGKEL PENGENALAN MICROSOFT 365 DAN ADOBE CC STAF UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT.

Penulis: Mimi Haslia Mohd Shahari



PEJABAT
BENDAHARI

2023

PEMBENTANGAN BENGKEL BELANJAWAN 2024 PORTFOLIO PENGURUSI JAWATANKUASA PENDIDIKAN, PENERANGAN DAN KOMUNIKASI, NEGERI JOHOR

Penulis: Mohd.Fairol Ismangil



Dalam bengkel tersebut, pelbagai pandangan dan idea penambahbaikan telah dilontarkan bagi memacu sektor pendidikan negeri Johor untuk terus cemerlang. Langkah ini seiring dengan rancangan pembangunan pendidikan dan Teras Maju Johor yang mencakupi aspek keperluan pendidikan dari peringkat asas hingga ke peringkat tertinggi serta penyampaian maklumat ke setiap pelosok negeri Johor. Bengkel tersebut juga memberi peluang untuk pembentangan kertas kerja projek dan juga perancangan dari setiap jemputan termasuk keperluan peruntukan dan kemudahan serta jaringan rakan strategik dengan agensi kerajaan negeri dan syarikat berkaitan kerajaan.

Bertempat di Amari Hotel, Johor Bahru telah diadakan Bengkel Belanjawan Negeri Johor tahun 2024 bagi portfolio Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Norliza Noh, Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor. Bengkel yang diadakan pada 15 Ogos 2023 itu bagi mengumpulkan pemegang taruh yang berkepentingan di Negeri Johor berkaitan portfolio jawatankuasa yang terlibat. Selain Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Johor, turut dijemput adalah seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Politeknik dan Kolej Komuniti, Pejabat Pendidikan Negeri, EduCity Iskandar, Telekom Malaysia, Jabatan Penerangan dan juga lain-lain pemain industri dalam sektor pendidikan dan juga komunikasi. UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah diwakili oleh Timbalan Bendahari, Encik Mohamed Affendy Mansor dan Penolong Bendahari Mohd.Fairol Ismangil yang turut membentangkan cadangan dan pandangan dari perspektif UiTM.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGKEL PERANCANGAN & PENERBITAN VIDEO PROMOSI

Penulis: Mahirah Arkanudin dan Haryati Ibrahim



Pejabat Bendahari dan Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan satu Bengkel Perancangan dan Penerbitan Video Promosi pada 22 Ogos 2023 yang lalu. Bengkel yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang itu telah dihadiri seramai 30 orang staf dari pelbagai bahagian, unit dan fakulti. Penceramah jemputan bagi bengkel tersebut adalah Encik Norhilman Nordin, Timbalan Penerbit Rancangan Kanan, UiTM Shah Alam yang berpengalaman dan berpengetahuan berkaitan selok belok penerbitan rancangan dan video.

Antara objektif penganjuran bengkel adalah bagi memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan aspek perancangan, penghasilan, dan penerbitan video promosi. Bengkel tersebut juga telah berjaya menyediakan warga kampus dengan ilmu dan pengetahuan untuk menghasilkan video promosi yang menetapi ciri profesional seiring dengan kualiti dan imej UiTM yang telah dikenali dan ke arah terkemuka dunia. Bengkel tersebut juga bertujuan bagi memberi latihan yang boleh diaplikasikan dan memberi manfaat kepada warga UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang secara umum.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

ANDA TANYA KAMI JAWAB, ANDA MUSYKIL KAMI BANTU

Penulis: Mohd.Fairol Bin Ismangil

Pada 10 Julai 2023, Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Johor turut serta dalam pembukaan kaunter khidmat pelanggan bersempena Hari Bertemu Pelanggan yang dianjurkan oleh Pejabat Pentadbiran. Program tersebut telah diadakan di ruang Speaker's Corner bagi Kampus Segamat dan juga Ruang Legar, Perpustakaan Tun Dr Ismail bagi Kampus Pasir Gudang. Program yang bermula pada jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang itu diadakan bagi mendapatkan maklumbalas dan penyelesaian isu berbangkit dari warga kampus. Kesemua staf Pejabat Bendahari turut terlibat dan bertugas secara bergilir-gilir sepanjang program berlangsung.

Antara intipati program yang telah diadakan adalah melayan sebarang persoalan dan isu dari warga kampus berkaitan kewangan universiti. Pelbagai isu dan pertanyaan yang diajukan dapat dijelaskan dengan berkesan sekaligus mengurangkan keraguan dan kebolehpercayaan warga terhadap proses kerja kewangan universiti. Para pelanggan juga turut diberi peluang untuk memberikan pandangan dan cadangan penambahbaikan proses kewangan universiti berdasarkan pengalaman yang mereka alami di kampus dan juga agensi lain, luar dari kampus. Selain itu, bagi menarik minat semua warga UiTM Cawangan Johor, pelbagai aktiviti disediakan antaranya acara cabutan bertuah melalui cabutan soalan oleh pelanggan. Soalan adalah berkaitan proses kewangan dan pengetahuan umum berkenaan universiti yang mana sekaligus dapat mengemaskini pengetahuan pelanggan yang mencuba. Sambutan hangat yang diterima dari warga UiTM Cawangan Johor telah meningkatkan semangat warga kerja Pejabat Bendahari untuk terus memberikan perkhidmatan cemerlang buat semua pemegang taruhnya.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



UHEI

UNIT HAL EHWAL ISLAM

2023

MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN AGIHAN BUBUR LAMBUK 1444H /2023M.

Penulis: Luqmanul Hakim Zaharullah



Majlis Khatam Al-Quran merupakan salah satu daripada wadah penyampaian syiar Islam dan mengajar kita untuk mencintai Al-Quran sebagai mukjizat agung yang tiada tandingan. Rahmat Allah akan turun kepada para pembaca Al-Quran. Bagi mereka yang menjadikan amalan membaca Al-Quran sebagai sesuatu yang lazim, pelbagai bentuk kelebihan dapat diperolehi antaranya petunjuk ke jalan yang benar, mendapat syafaat pada hari kiamat, mendapat ketenangan jiwa dan pelbagai kelebihan yang lain. UiTM Cawangan Johor melalui Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dengan Kerjasama Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) serta Kesatuan Kakitangan Umum (KKU), UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran & Agihan Bubur Lambuk 1444 H/2023 M pada 17 April 2023 M bersamaan 26 Ramadhan 1444 H bertempat di Speakers' Corner. Tradisi memasak bubur lambuk secara bergotong royong telah diwujudkan kembali yang sekaligus dapat mengeratkan silaturahim sesama warga.

Program ini memupuk semangat dan minat membaca Al-Quran secara berjemaah terutamanya dalam bulan ramadhan yang mulia dengan tujuan penambahbaikan serta semakkan setiap bacaan ayat Al-Quran tersebut agar dapat dibaca dengan baik mengikut hukum tajwid. Manakala, agihan bubur lambuk pula dilaksanakan selepas selesai Majlis Khatam Al-Quran. Objektif program ini adalah menarik minat warga UiTM supaya menjadi generasi yang menjadikan Al-Quran sebagai panduan utama dalam kehidupan dan mengeratkan hubungan silaturahim terutamanya melalui aktiviti memasak bubur lambuk bersama-sama di Masjid As-Syakirin.

Program ini mendapat kerjasama yang baik daripada warga UiTM Cawangan Johor dengan penglibatan yang amat memberansangkan sepanjang program diadakan. Turut hadir mengimarahkan serta memeriahkan majlis ini ialah YBhg Rektor UiTM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon bersama ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang bersama-sama mengagihkan bubur lambuk kepada warga kampus. Semoga warga UiTM Cawangan Johor akan berusaha menjadi umat terbaik sepanjang zaman yang sentiasa memelihara dan beramal dengan Al-Quran secara istiqamah.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

KARPET MASJID AS-SYAKIRIN UiTM JOHOR BERUBAH WARNA.

Penulis: Prof Madya Ahmad Nawawi Yaakob dan Amir Anuar Ab Azis

Masjid adalah pusat utama pembangunan insan yang seharusnya diberi keutamaan dalam setiap aktiviti ibadah seorang muslim. Masjid As-Syakirin UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) yang berada di tengah-tengah kolej kediaman menjadi pusat ibadah siswa-siswi, staf dan tetamu dari luar kampus. Pelbagai aktiviti dijayakan sepanjang tahun seperti kuliah mingguan, majlis iftar, program penyembelihan, ibadah korban, seminar dan forum, sambutan Maulid al-Rasul S.A.W. dan pelbagai program lain lagi.

Tanpa disedari Masjid As-Syakirin telah mencipta sejarahnya tersendiri apabila menjadi masjid pertama dari seluruh sistem UiTM yang telah dibekalkan dengan penyamanan udara pada masa kepimpinan Prof Dr Mohd Kamil Ibrahim selaku Rektor sekitar tahun 2010 dahulu. Begitu juga penggantian karpet dibuat pada waktu yang sama dan ia kini berusia lebih sepuluh tahun.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Baru-baru ini Masjid As-Syakirin telah berubah wajah dengan pemasangan karpet baru berwarna biru yang bercirikan karpet masjid-masjid di seluruh Negeri Johor lain dengan bersulamkan kombinasi corak bunga cengklik dan gambir. Peruntukan sejumlah RM136,400 digunakan bagi menggantikan karpet baharu adalah daripada peruntukan Tabung Amanah UiTMCJ dan sebahagiannya daripada sumbangan Projek Infaq Karpet Masjid yang digerakkan sebelum ini.

Dengan pemasangan karpet baharu pada 28 Ogos 2023, diharapkan jemaah masjid As-Syakirin yang juga merupakan satu-satunya masjid institusi di Daerah Segamat ini akan lebih selesa melaksanakan solat berjemaah dan mendapat sambutan dalam kalangan pelajar bagi memenuhi saf yang ada. Usaha mengimarahkan rumah Allah ini bukanlah sesuatu yang mudah, apatah lagi untuk menjentik hati manusia mendekati masjid. Namun dengan langkah berbentuk kemudahan fizikal sebegini, diharapkan masjid As-Syakirin terus menjadi tumpuan dalam menyebarkan syiar Islam.

PROGRAM LARIAN AMAL RAHMAH 2023 UNIT HAL EHWAL ISLAM DENGAN KERJASAMA UNIT SUKAN UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

Penulis : Siti Fatimah Abd Talib



Program Larian Amal Rahmah UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat anjuran Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dengan kerjasama Unit Sukan telah dijalankan pada 27 Ogos 2023 yang lalu bertempat di pekarangan Masjid As-Syakirin UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Larian sejauh 5km ini diketuai oleh seorang jurulatih kecergasan iaitu Encik Mohammed Azreen bin Jamian yang dijemput khas daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan dihadiri sekitar 150 orang peserta daripada kalangan warga kampus. Program ini bertujuan untuk melahirkan warga kampus yang seimbang daripada segi jasmani dan rohani kerana fizikal yang sihat boleh melahirkan warga kerja yang cergas serta cerdas.

Pengisian program ini turut diselitkan dengan sesi perkongsian daripada tetamu jemputan berkaitan dengan kesihatan dan kecergasan sebagai seorang penjawat awam. Di samping itu, program ini memberi peluang kepada para peserta untuk menginfaq sekurang-kurangnya RM5.00 ke Tabung Pusat Islam (TAPI) Masjid As- Syakirin sebagai syarat bagi menyertai program ini, sekaligus mampu mendidik warga untuk sentiasa mengutamakan sedekah dalam kehidupan seharian. Program larian ini juga turut dihadiri serta disempurnakan perasmian oleh Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor. Terima kasih kepada semua warga yang memberikan sokongan dalam menjayakan program ini sama ada secara langsung maupun tidak langsung.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.





UNIT
**KOMUNIKASI
KORPORAT**

2023

BENGKEL PROTOKOL 2023.

Penulis: Iqlil Dhania Mohamad

Pada Rabu, 20 September 2023, Unit Komunikasi Korporat telah menganjurkan satu program iaitu Bengkel Protokol 2023 bertempat di Dewan Kuliah 1, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kesemua 53 orang peserta dari semua jabatan, unit dan fakulti termasuk di UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang dalam mengendalikan program-program rasmi universiti serta program jabatan masing-masing.



Encik Nor Ezan bin Omar, mantan Koordinator Komunikasi Korporat yang juga merupakan seorang pesara di UiTMCJ dijemput untuk memberikan ceramah pada program ini. Pengalaman yang luas dalam bidang protokol selain menjadi pakar rujuk setiap kali majlis atau program rasmi sedikit sebanyak membantu memberi maklumat tambahan kepada para peserta. Unit Komunikasi Korporat merasa bertanggungjawab untuk mengadakan program ini memandangkan unit kami kerap mengendalikan program-program rasmi dan tidak rasmi universiti. Adalah menjadi mudah jika staf di jabatan, unit dan fakulti juga tahu tentang protokol majlis bagi memudahkan perjalanan program masing-masing.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



POLIS BANTUAN

2023



Pejabat Polis Bantuan bersama Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah bergabung membentuk satu Kumpulan KIK bernama Neo Ultras. Kumpulan ini diwujudkan bagi menyertai pertandingan inovasi di Konvensyen KIK UiTM, Peringkat Zon Selatan pada 5 hingga 6 September 2023. Konvensyen ini telah dilaksanakan secara dalam talian menggunakan platform YouTube dan Cisco Webex dengan tema "Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti". Melibatkan penyertaan UiTM di Zon Selatan, Neo Ultras bertanding bersama-sama tujuh (7) kumpulan lain. Alhamdulillah berkat kesungguhan dan semangat kerjasama yang tinggi bagi kedua-dua bahagian ini, Neo Ultras berjaya memenangi beberapa anugerah di konvensyen ini iaitu;

1. Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan (Kategori Penciptaan)
2. Anugerah Fasilitator Terbaik KIK – Puan Mimi Hasliah Binti Mohd Shahari (Bahagian Infostruktur)
3. Penarafan Emas KIK Kumpulan Neo Ultras

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Neo Ultras. Melalui kemenangan ini kumpulan Neo Ultras telah layak ke Konvensyen KIK Peringkat UiTM 2023 yang akan diadakan pada 23 hingga 25 Oktober 2023 di Anjung Sri Budiman, UiTM Shah Alam. Ini merupakan pengalaman pertama Pejabat Polis Bantuan menyertai Konvensyen KIK Peringkat Zon Selatan dan telah mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila layak ke Konvensyen KIK peringkat UiTM. Semoga kejayaan menjadi milik Neo Ultras dan seterusnya mengharumkan nama UiTM Cawangan Johor ke peringkat yang lebih tinggi. Terbang tinggi Neo Ultras!



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

O NEO ULTRAS CIPTA SEJARAH TERSENDIRI.

Penulis: Mohd Faiezal Bharum

PROGRAM KOMUNITI BEBAS DADAH.

Penulis: Zarina Abdol Wahap



Pejabat Polis Bantuan dengan kerjasama Perpustakaan Tun Dr Ismail dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah menganjurkan Program Komuniti Bebas Dadah pada 08 Mei 2023, jam 08.30 pagi hingga 01.00 petang bertempat di Perpustakaan Tun Dr Ismail 1, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Program ini melibatkan staf dan pelajar dengan penyertaan seramai 113 orang yang hadir termasuk peserta yang mengikuti siaran secara langsung melalui saluran *UiTM Johor YouTube Channel*. Penceramah jemputan adalah daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Segamat iaitu Puan Fuaazuzakia binti Abd Mohodin Zaman, Penolong Pegawai AADK, Daerah Segamat.

Objektif program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada masyarakat, pendedahan jenis-jenis dadah yang boleh membawa kesan kepada badan manusia dan memberi pendidikan kepada masyarakat daripada menyalahgunakan dadah dalam penyelesaian masalah peribadi. Hasil daripada program ini peserta dapat meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah. Peserta juga didedahkan dengan maklumat penyalahgunaan dadah melalui ceramah kesedaran yang disampaikan oleh saia seorang bekas penagih serta pameran antidadah.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

OSH DAY PEJABAT POLIS BANTUAN.

Penulis: Zarina Abdol Wahap

Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lebih dikenali sebagai *Occupational, Safety and Health (OSH) Day* disambut pada 28 April di seluruh dunia bermula pada tahun 2003 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Hari ini disambut bagi memberi pendedahan serta menekankan langkah-langkah pencegahan kemalangan serta penyakit pekerjaan melalui kekuatan tripartite dan dialog sosial. Sambutan ini juga dibuat bagi memperingati mangsa-mangsa kemalangan industri dan penyakit pekerjaan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja di seluruh dunia.

UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) juga tidak ketinggalan bersama-sama menganjurkan *OSH Day* bagi memberi pendedahan dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan kemalangan serta kesihatan pekerjaan buat warganya. Pada 5 hingga 6 Julai 2023 yang lalu, Pejabat Polis Bantuan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Negeri Johor telah mengadakan satu Ceramah Keselamatan Jalan Raya yang disampaikan oleh En. Shahrul bin Sumadi, Penolong Pegawai Penguatkuasa JPJ, Malaysia. Program ini dilaksanakan di Perpustakaan Tun Dr Ismail 1, bermula jam 09.00 pagi hingga 04.30 petang dan melibatkan staf serta pelajar daripada program *Diploma in Business Studies (DBS)*. Selain program ceramah turut berlangsung adalah pameran keselamatan jalan raya yang juga dibuka untuk tontonan umum.



Ceramah yang disampaikan memberikan penerangan tentang keselamatan dalam memandu kenderaan iaitu berkaitan pematuhan had laju, penggunaan tali pinggang keledar dan kesalahan ubahsuai kenderaan. Pengkhususan juga ditekankan kepada pemandu-pemandu muda yang baharu sahaja memperolehi lesen meramdu. Di akhir ceramah, slot soal jawab telah diadakan dan banyak soalan telah diajukan oleh para peserta.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

HARI BERTEMU PELANGGAN.

Penulis: Mohamad Isahruddin Amiruddin



Hari Bertemu Pelanggan merupakan salah satu platform terbaik buat semua warga UiTM Cawangan Johor mendapatkan maklumat, mengetahui saluran serta bahagian/pejabat/unit/fakulti yang betul dalam mencari penyelesaian permasalahan yang dihadapi mereka. Melalui penganjuran program ini, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dapat diberi tumpuan sekaligus perkhidmatan yang disajikan adalah memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan. Penyampaian perkhidmatan yang baik merupakan salah satu pendekatan holistik bagi memastikan pengurusan interaksi dan perhubungan yang cekap antara bahagian/pejabat/unit/fakulti dengan pelanggan.

Bagi Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat, Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan pada 10 Julai 2023 pada jam 09.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Speaker's Corner. Program ini bertujuan untuk memberi penerangan dan pendedahan kepada para pelajar secara amnya serta staf secara umumnya dalam mematuhi peraturan-peraturan dalam kampus. Anggota Pejabat Polis Bantuan juga memberi penerangan berkaitan sahsiah rupa diri, peraturan lalu lintas dan turut diadakan pameran barang-barang larangan yang pernah dirampas sebelum ini. Diharapkan program sebegini dilaksanakan secara berkala, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik dapat diberikan buat semua pemegang taruh.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PENDAFTARAN PELAJAR BARU SESI OKTOBER 2023 HINGGA FEBRUARI 2024.

Penulis : Mohd Saiful Nizam Sarifdin



Pendaftaran pelajar baru UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah diadakan pada 22 dan 23 September 2023 (Jumaat dan Sabtu). Seramai 25 anggota Pejabat Polis Bantuan telah ditugaskan untuk membuat kawalan parkir dan kawalan lalulintas dalam kampus bagi melancarkan pergerakan kenderaan ke kolej-kolej kediaman. Penugasan merangkumi semua sektor iaitu Sektor A, Sektor B dan Sektor C.

Sepanjang berlangsungnya pendaftaran pelajar selama 2 hari ini pergerakan kenderaan ke kawasan kampus berjalan dengan lancar. Seramai lebih dari 2000 orang pelajar telah mendaftar masuk ke 10 kolej kediaman yang terdapat dalam kampus. Dengan kapasiti pelanggan yang ramai, tentunya pengurusan dan koordinasi tugas adalah sangat kritikal. Alhamdulillah, semua anggota mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan cemerlang dan sesi pendaftaran ini berlangsung dengan baik.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



UNIT
**PENGURUSAN
KUALITI**

2023



SESI PEMBENTANGAN PROJEK KIK UiTMCJ BERSAMA REKTOR.

Penulis : Siti Rahayu Sarman dan Dr. Shafaruniza Mahadi

Unit Pengurusan Kualiti, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah mengadakan Sesi Pembentangan Projek KIK UiTMCJ Bersama Yang Berbahagia Puan Rektor bagi menilai status pelaksanaan projek seterusnya memilih kumpulan KIK yang akan mewakili UiTMCJ ke Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon Selatan tahun 2023. Sesi ini telah diadakan pada 24 Julai 2023 di Bilik Mesyuarat Utama bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 1.30 tengahari dan dihadiri oleh 5 kumpulan KIK (4 kumpulan KIK dari kampus Segamat secara bersemuka manakala 1 kumpulan KIK dari kampus Pasir Gudang diadakan secara dalam talian). Sesi ini juga turut dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Pakar Rujuk KIK UiTM selaku panel penilai, Ketua Unit Kualiti, Penyelaras KIK dan Penyelaras Projek Rector's Special Project (RSP) 4.

Berdasarkan status semasa projek dan penyediaan dokumen, panel penilai telah bersetuju memilih empat (4) projek KIK UiTMCJ untuk bertanding di Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon Selatan 2023. Manakala satu (1) lagi kumpulan KIK dicadangkan untuk projek dibawa ke tahun hadapan. Sesi ini telah berjaya memberi input dan manfaat kepada semua kumpulan KIK UiTMCJ dalam menambahbaik projek yang sedang dijalankan, penyediaan dokumentasi yang lengkap dan tepat serta cadangan bagi pengkomersialan projek inovasi di masa hadapan. Semoga segala usaha, komitmen dan kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh fasilitator, ketua kumpulan dan penggiat-penggiat KIK UiTMCJ Kampus Segamat dan Pasir Gudang akan terus menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti kerja dan pembudayaan inovasi dalam kalangan warga kerja UiTM Cawangan Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

Bengkel Pemerkasaan Pengurusan & Penyeragaman Amalan EKSA telah diadakan pada 14 Mac 2023 di Bilik Aula Bestari, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ). Program sehari ini telah mengumpulkan 30 orang staf yang merupakan Ketua EKSA Fakulti/Bahagian/Unit/Zon di UiTM Cawangan Johor. Objektif bengkel ini adalah memberi pendedahan mengenai pengurusan dan penyeragaman EKSA bagi ketua bahagian/unit/zon/fakulti serta Jawatankuasa Audit EKSA di bahagian/unit/fakulti yang baru, meningkatkan pengetahuan dan pemahaman berkenaan kriteria pengauditan yang betul kepada peserta untuk pelaksanaan EKSA yang berkesan serta memberi kefahaman berkaitan pelaksanaan audit EKSA ke arah pensijilan EKSA MAMPU.

Bengkel ini merupakan edisi kedua di mana Bengkel Penyeragaman EKSA Edisi Pertama telah diadakan pada tahun 2021. Bagi mencapai objektif bengkel, Puan Siti Hajar Abd Rahman, Champion EKSA MAMPU telah dijemput sebagai penceramah kerana beliau telah dilantik sebagai Fasilitator EKSA UiTMCJ. Antara perkara penting yang dikongsikan adalah item yang perlu diseragamkan bagi pelaksanaan EKSA, proses mendapatkan pensijilan EKSA daripada MAMPU serta tips-tips berkaitan. Fasilitator juga telah memberikan input secara langsung mengenai penambahbaikan kepada Buku Panduan Penyeragaman EKSA UiTMCJ yang sedia ada. Buku yang telah diterbitkan pada tahun 2022 ini telah digunakan sebagai rujukan bagi pelaksanaan EKSA pada tahun 2022 dan penambahbaikan kandungan buku akan dilakukan berdasarkan input yang diterima sepanjang bengkel.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGKEL PEMERKASAAN PENGURUSAN & PENYERAGAMAN AMALAN EKSA.

Penulis : Husnizam Hosin



SESI PERUNDINGAN & PENDAFTARAN PROJEK OE KE SISTEM OPIR InQKA.

Penulis : Siti Rahayu Sarman dan Dr. Suhaidi Elias

Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah melaksanakan Sesi Perundingan & Pendaftaran Projek Kecemerlangan Operasi (*Operational Excellence, OE*) bagi membantu kumpulan OE UiTMCJ dari segi penyediaan dokumen yang lengkap seterusnya mendaftarkan projek OE ke sistem OPIR InQKA. Sesi ini telah diadakan pada 8 Oktober 2023 di Bilik Aula Bestari bermula jam 9.00 pagi sehingga 12.30 tengahari dan dihadiri oleh 3 kumpulan OE kampus Segamat iaitu dari Bahagian Pentadbiran, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Pengurusan Fasiliti secara bersemuka. Sesi ini telah diselia oleh Ketua Unit Kualiti, Penyelaras Kecemerlangan Operasi dan Jurulatih Kecemerlangan Operasi UiTMCJ.

Sesi ini telah berjaya memberi input dan manfaat kepada semua kumpulan OE UiTMCJ dalam menambahbaik projek yang sedang dijalankan serta penyediaan dokumentasi yang lengkap dan tepat. Semoga usaha, komitmen dan kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh kumpulan – kumpulan OE UiTMCJ akan terus menjadi platform kepada peningkatan kualiti kerja dan pembudayaan inovasi dalam kalangan warga kerja UiTM Cawangan Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis


KONVENTSYEN KIK UiTM PERINGKAT ZON SELATAN 2023.

Penulis: Siti Rahayu Sarman dan Dr. Shafruniza Mahadi



UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah menjadi pengajur bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM Peringkat Zon Selatan 2023 pada 5 hingga 6 September 2023 secara dalam talian menggunakan platform YouTube dan Cisco Webex dengan tema "Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti". Konvensyen KIK ini telah menyaksikan persaingan antara 4 kumpulan daripada UiTM Cawangan Johor, 2 kumpulan daripada UiTM Cawangan Melaka dan 1 kumpulan daripada UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Majlis Perasmian Pembukaan Konvensyen ini telah dilaksanakan oleh Yang Berbahagia Penolong Naib Canselor InQKA, Professor Dr Azizah Abdullah pada 5 September 2023 manakala Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Rektor UiTMCJ, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon pada 6 September 2023. Seramai 30 orang Ahli Jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada staf dan pensyarah UiTMCJ telah bertungkus-lumus bagi memastikan perjalanan konvensyen lancar di Bilik Aula Bestari yang telah dijadikan sebagai studio sepanjang sesi konvensyen berlangsung.

Empat (4) Kumpulan KIK yang telah mewakili UiTMCJ adalah Kumpulan KIK AKAR (Perpustakaan Tun Dr. Ismail), Kumpulan KIK Neo Ultras (Pejabat Polis Bantuan & Bahagian Infostruktur), Kumpulan KIK HiQMAH (Bahagian Hal Ehwal Akademik) dan CiVGU MURNI (Pengajian Kejuruteraan Awam Kampus Pasir Gudang). UiTMCJ sangat berbangga dengan pencapaian Kumpulan KIK AKAR yang telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan dan Kumpulan KIK CiVGU MURNI yang telah mendapat Tempat Ketiga. Selain itu, semua kumpulan KIK daripada UiTMCJ juga telah menerima Penarafan Emas KIK yang membuktikan pencapaian terbaik dalam projek inovasi yang telah dihasilkan. Diharapkan lebih banyak lagi kumpulan KIK dapat dihasilkan kelak, bagi memastikan budaya inovasi dan kreativiti terus berasimilasi dalam suasana kerja seharian.



g AKAR's application(s)

- 80% +

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGKEL PENYEDIAAN LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (iAKNC) UiTM CAWANGAN JOHOR 2023.

Penulis: Syed Khusairi Tuan Azam dan Zarina Abu Bakar

TAKLIMAT LAPORAN AKNC 2023-20230518 0631...



TAKLIMAT LAPORAN AKNC 2023-20230518 0631...



Bengkel Penyediaan Laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (iAKNC) 2023 UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) telah dilaksanakan pada 18 Mei 2023 secara dalam talian. Penyediaan Laporan AKNC ini merupakan pelaporan tahunan PTJ yang perlu dihantar kepada InQKA UiTM bagi mengiktiraf kecemerlangan pelaksanaan dan amalan kualiti dalam kalangan warga UiTM di seluruh sistem. Dengan menggunakan model Malcolm Baldrige Award, setiap jabatan, fakulti dan cawangan di seluruh sistem UiTM akan melaporkan aktiviti kecemerlangan dalam organisasi masing-masing. Berdasarkan pencapaian UiTM CJ sepanjang tahun 2022, Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM CJ telah bersetuju untuk memilih bidang jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan sebagai bidang tumpuan pelaporan Laporan AKNC, UiTM CJ 2023.

Sehubungan itu, gerak kerja penyediaan Laporan AKNC 2023 UiTM CJ dimulakan dengan sesi taklimat oleh Penyelaras AKNC dan Ketua Unit Kualiti bagi menerangkan garis masa serta perkara-perkara penting dalam proses penulisan Laporan AKNC UiTM CJ 2023. Para penulis Laporan AKNC UiTM CJ juga diberikan pendedahan dan bimbingan dalam menjawab setiap keperluan kriteria bagi memenuhi kehendak markah yang telah ditetapkan. Bengkel yang dihadiri oleh 20 orang penulis ini, telah berjalan dengan lancar dan mendapat maklumbalas yang baik daripada para peserta. Draf akhir Laporan AKNC UiTM CJ 2023 ini telah dibentangkan kepada Ahli JKEN untuk dimuktamadkan pada 17 Ogos 2023 yang lalu oleh Ketua Unit Kualiti dan Penyelaras AKNC. Manakala penghantaran laporan akhir kepada InQKA telah dibuat pada 30 Ogos 2023. Semoga UiTM CJ terus mencapai kecemerlangan.



Sumber gambar keseluruhan laporan akhir dapat dilihat pada penulis.



PTDI
PERPUSTAKAAN
TUN DR. ISMAIL

2023



Selaras dengan Petunjuk Prestasi ke 12, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PI12 PTAR): Bilangan Program Khidmat Masyarakat Perpustakaan UiTM (PUiTM), pihak Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat dengan kerjasama PTDI Kampus Pasir Gudang telah melaksanakan satu program khidmat masyarakat di Pusat Sumber, Kolej Vokasional Tanjung Puteri pada 9 Mei 2023 hingga 11 Mei 2023.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini melibatkan Guru Perpustakaan Media (GPM) dan pelajar Kolej Vokasional Tanjung Puteri, Johor Bahru. Program ini membantu GPM untuk melengkapkan maklumat bahan ke dalam Sistem Automasi Pusat Sumber (SLIB). Selain itu, pihak PTDI juga turut membimbangi GPM dalam kerja-kerja pemprosesan teknikal bahan seperti cop hak milik, teknik penampalan nombor panggilan dan QR Code mengikut piawaian yang betul. Pihak PTDI berharap agar khidmat masyarakat ini dapat mencapai objektif seperti berikut:

1. Mewujudkan kerjasama strategik antara Kolej Vokasional Tanjung Puteri dan Perpustakaan Tun Dr Ismail, UiTM Cawangan Johor.
2. Diletakkan sebagai salah satu projek bagi mencapai PI12: Bilangan Program Khidmat Masyarakat PUiTM.
3. Memberi pengetahuan asas struktur pemprosesan teknikal bahan yang berkesan menggunakan sistem SLIB.
4. Memberi pendedahan mengenai cara memproses buku secara automasi dengan cara yang betul.
5. Meningkatkan kecekapan pengurusan perpustakaan sekolah khususnya dalam pengurusan bahan bercetak.

Diharapkan program ini dapat mewujudkan satu budaya kerja pengurusan pusat sumber yang lebih bersistematis selaras dengan pelaksanaan gelombang ketiga (2021-2025) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Semoga bengkel ini juga dapat meningkatkan pemahaman dan kompetensi GPM dalam memastikan mutu perkhidmatan serta bahan bantuan belajar yang ditawarkan kepada generasi madani ini lebih mudah dan sistematik. Sekaligus membantu meningkatkan pencapaian sekolah secara amnya.

Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DI KOLEJ VOKASIONAL TANJUNG PUTERI, JOHOR BAHRU.

Penulis: Siti Rozana Mat Sanat dan Idris Muhammad

KEUNIKAN PROPS LAT: MENARIK TUMPUAN ORGANISASI LUAR.

Penulis : Eny Musa

Pada 15 Mei 2023 yang lalu, Majlis Sambutan Hari Raya Perdana Peringkat UiTM Cawangan Johor telah di adakan dengan bertemakan Indahnya Hari Raya. Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) berkesempatan menghasilkan sebuah alat peraga (props) yang bertemakan kartun LAT dalam siri Kampung Boy oleh kartunis terkemuka di Malaysia, Datuk Mohammad Nor Khalid. Pada awalnya, konsep Kartun LAT ini diutarakan oleh Puan Mawar Noor binti Abdullah selaku Timbalan Ketua Pustakawan, dan idea ini telah direalisasikan oleh Encik Nurul Amin bin Norudin sambil di bantu oleh semua staf PTDI yang turut menyumbang dari idea, tenaga dan wang ringgit.



Keunikan props ini telah menjadi buatan orang ramai dan bergambar di gerai PTDI sewaktu majlis berkenaan diadakan. Apa yang lebih menarik, props ini juga berjaya menarik perhatian beberapa organisasi luar yang turut hadir dan mereka kelihatan amat teruja dengan props yang berkonsepkan kartun ini. Keterujaan tersebut telah menyebabkan beberapa buah organisasi luar ini meminjam props tersebut untuk digunakan di tempat mereka, antaranya Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Daerah Segamat, iaitu Asp Ihsan Bin Abdullah dan Unit Farmasi Klinik Kesihatan Sultan Ismail, Johor Bahru, iaitu Puan Ros Azima binti Maasah. Keunikan props ini berjaya mengharumkan nama PTDI di mata organisasi luar sekaligus menaikkan semangat staf PTDI untuk menghasilkan lebih banyak props pada kegunaan masa akan datang.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.

BENGKEL PENGURUSAN PERPUSTAKAAN BERSAMA JAWATANKUASA UNIT PUSAT SUMBER KOLEJ VOKASIONAL ZON JOHOR.

Penulis: Siti Rozana Mat Sanat, Roslan Mohd Nor dan En. Idris Muhammad

Memasyarakatkan perpustakaan sebagai pusat rujukan dan informasi bagi membentuk budaya membaca serta mencintai ilmu memerlukan sinergi semua pihak. Hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membaca pada tahun 2030 tentunya boleh dicapai apabila pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan melibatkan semua pihak. Tidak terkecuali, universiti juga berperanan besar bagi menyantuni masyarakat dengan memberi pendedahan serta berkongsi kepakaran yang dimiliki. Oleh itu, pada 19 Mac 2023 (Ahad), pihak Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang dengan kerjasama PTDI UiTMCJ, Kampus Segamat telah berjaya melaksanakan satu program khidmat masyarakat khusus buat Jawatankuasa Unit Pusat Sumber Kolej Vokasional, Zon Johor.

Program ini adalah selaras dengan Petunjuk Prestasi ke 12, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PI12 PTAR): Bilangan Program Khidmat Masyarakat Perpustakaan UiTM (PUiTM). Berlangsung di PTDI, UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang dan bermula seawal jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang, program ini telah melibatkan seramai 45 orang peserta yang merupakan Guru Media dan Pusat Sumber Kolej Vokasional Zon Johor. Antara objektif program ini adalah seperti berikut :

1. Mewujudkan kerjasama strategik antara Jawatankuasa Unit Pusat Sumber Kolej Vokasional Daerah Johor Bahru dan PTDI , UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang.
2. Membugar dan memperkasa Guru Perpustakaan dan Media dengan aktiviti-aktiviti yang boleh mengetengahkan kepemimpinan dalam pentadbiran perpustakaan di Daerah Johor Bahru.
3. Meningkatkan kecekapan pengurusan perpustakaan sekolah khususnya dalam pengurusan bahan rujukan dan perkhidmatan perpustakaan.
4. Diletakkan sebagai salah satu projek bagi mencapai PI12 : Bilangan Program Khidmat Masyarakat PUiTM.

Penceramah jemputan adalah daripada kalangan staf perpustakaan UiTMCJ dan seorang Pensyarah Kanan daripada bidang Pengurusan Maklumat. Program ini diharapkan dapat membantu Guru Perpustakaan Media (GPM) mewujudkan satu budaya kerja pengurusan Pusat Sumber yang lebih bersistematis selaras dengan pelaksanaan gelombang ketiga (2021-2025) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Semoga dengan penganjuran bengkel ini juga dapat meningkatkan pemahaman dan kompetensi GPM demi meningkatkan pencapaian yang lebih baik.



Sumber gambar keseluruhan laporan adalah daripada penulis.



KLIK-KLIK UiTM Cj

2023

LAWATAN PERBANAS INDONESIA KE UiTM JOHOR
6 Jun 2023



LAWATAN PAYNET SDN BHD KE UiTM cAWANGAN JOHOR
8 Julai 2023



UiTM TECHNOVENTURE
8 Ogos 2023



LAWATAN KE MAINJ BERSAMA JKEN DAN ZAKAT UiTM
CAWANFAN JOHOR
14 Ogos 2023



LAWATAN TNC ICAN KE UiTM CAWANGAN JOHOR 2023
17 Ogos 2023



SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN DAN HARI PERBARISAN
PERINGKAT SEGAMAT
31 Ogos 2023



GOTONG ROYONG PERDANA 2023
12 Oktober 2023



MAJLIS PERASMIAN PASIR GUDANG DAN HARI INDUSTRI 4 November 2023





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UITM CAWANGAN JOHOR

